



Received: 2022-07-06

Accepted: 2022-11-10

Published: 2022-12-15

**Analisis Hukum Solat *Rebo Wekasan* Dalam Kitab *Tarjumān* Karangan KH. Abdul Hamid*****Analysis of the Rebo Wekasan Prayer Legal in the Tarjumān Book by KH. Abdul Hamid***Imamuddin <sup>a\*</sup> & Abdul Karim Ali <sup>a</sup><sup>a</sup>Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia\* Corresponding author, email; [email86resmi@gmail.com](mailto:email86resmi@gmail.com)**ABSTRACT**

This study will discuss the view of KH. Abdul Hamid on the *Rebo Wekasan* prayer in the *Tarjumān* book (1800-1900 BC). The *Tarjumān* book is essentially the kitab of tawhid (oneness of God) and fiqh (Islamic jurisprudence). However, its extensively discuss the subject of fiqh. To name a few such taharah (abolition), prayer, fasting, inheritance, pilgrimage, marriage and the general discourse. *Rebo Wekasan* prayer is a prayer performed on the last Wednesday of the month of Safar with the aim of being safe from the calamities that descend on that day for one year. Many people practice the *Rebo Wekasan* prayer whether from student, scholar, sheikh to the general public. The objective of this study is to identify the view of KH. Abdul Hamid on the *Rebo Wekasan* prayer. To meet this objective, the researcher uses a qualitative method of library research. The study finds that the practice of this prayer is based on the kasyaf (heart view) of the Sufis which is associated with some hadith that cannot be used as an argument for a problematic cause up to the level of *mawdū'* (false).

**Keywords:** Circumcision Prayer, *Rebo Wekasan*, Syariah Law, KH. Abdul Hamid, *Tarjumān*.**Pengenalan**

Tersebarnya agama Islam di Indonesia pada abad ke 14 M.<sup>1</sup>, ianya juga tersebar ke daerah-daerah lain di pelbagai pulau di persekitaran Jawa antaranya pulau Madura. Dari generasi kepada generasi dapat melahirkan generasi ulama di Madura seperti Shaykhona Kholil (1925 M.)<sup>2</sup> di kabupaten<sup>3</sup> Bangkalan dan KH.<sup>4</sup> Abdul Hamid di kabupaten Pamekasan di daerah

<sup>1</sup> HAMKA. *Sejarah Umat Islam "Pesediaan Menyambut Islam di Tanah Jawa"*. Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002, 743.

<sup>2</sup> Beliau adalah Shaykhona KH. Muhammad Kholil bin KH. Abdul Latief bin Hamim bin Abdul Karim bin Muharram al-Bangkalani al-Maduri, lahir pada hari Selasa tanggal 11 Jumada al-Thaniyah 1235 H. (1834

Banyuwangi Desa Poto'an Daya. KH. Abdul Hamid adalah salah seorang ulama yang mewarisi kepemimpinan pondok pesantren Banyuwangi yang diasaskan pada tahun 1788 M.<sup>5</sup> Bukan hanya mendidik dan mengajar para santri (pelajar pondok)<sup>6</sup> tapi beliau juga berjaya menulis karyanya yang sekarang dikumpulkan menjadi sebuah kitab yang disebut dengan *Tarjumān*.

Kitab *Tarjumān* merupakan kitab asas agama Islam yang mengandungi pengajaran tauhid, fiqh dan yang lainnya. Selain masyarakat awam, kitab ini banyak digunakan dan diamalkan di kalangan santri pondok pesantren Banyuwangi dan juga di pondok-pondok pesantren yang masih ada ikatan keturunan zuriyat Kiai Ithbat serta keluarga besarnya. Daripada banyak perkara yang diterangkan dalam kitab *Tarjumān*, pengkaji ingin membincangkan hukum solat *Rebo Wekasan* kerana solat ini masih menjadi amalan masyarakat setiap tahun pada hari Rabu akhir bulan Safar. Objektif kajian ini adalah mengupas secara mendalam sirah kehidupan KH. Abdul Hamid dan metodologi penulisan kitab *Tarjumān* serta menganalisis hukum solat *Rebo Wekasan* dalam kitab *Tarjumān*. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data daripada data sekunder yang bersumberkan daripada dokumen-dokumen bertulis dan data primer dengan mengadakan temu bual dengan responden yang terpilih.

Beberapa kajian yang telah dijalankan mengenai persoalan hukum solat *Rebo Wekasan* sama ada yang berbentuk disertasi, kitab, artikel dan juga majalah. Antaranya disertasi sarjana muda yang bertajuk "Makna Simbol dan Pergeseran Nilai Tradisi Upacara Adat *Rebo Pungkasan* (Studi Terhadap Tradisi Upacara Adat *Rebo Pungkasan*<sup>7</sup> di Desa Wonokromo Kecamatan Pleret Kabupaten Bantul)" di Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta yang ditulis oleh

---

M.) dan wafat dalam usia 91 tahun pada tarikh 29 Ramadan 1343 H. (1925 M.). Beliau termasuk ulama besar di Madura dan termasuk sesepuh Organisasi Islam "*Nahdlatul Ulama*" Indonesia, sebab beliau adalah guru kepada KH. Hasyim Asy'ari yang termasuk diantara pengasas sekaligus pimpinan "*Nahdlatul Ulama*" (NU) untuk kali pertama. Selain belajar agama di daerah Jawa Timur, beliau juga pernah belajar di Makkah al-Mukarramah kepada mashayeikh-mashayeikh yang ada pada masa itu dan termasuk orang alim yang di waktu itu adalah al-Imam Nawawi al-Bantani al-Indunisi. Sila rujuk: Mokh. Syaiful Bakhri. "*Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura*". Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006, 21-46.

<sup>3</sup> Di Indonesia, kumpulan daripada beberapa kecamatan disebut dengan kabupaten atau kota. Manakala kecamatan adalah kumpulan daripada beberapa kelurahan (kampong atau desa). Provinsi merupakan kumpulan daripada kabupaten (dan kota). *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa, 2008, 610, entri "kabupaten". *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007, 649, entri "kabupaten".

<sup>4</sup> Maksud daripada KH adalah Kiai Haji yang merupakan sebutan untuk alim ulama atau Tok Guru agama di Indonesia. Lihat: *Kamus Bahasa Indonesia*. 719, entri "kiai"

<sup>5</sup> Imamuddin. "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjumān* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks". (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2016), 23.

<sup>6</sup> *Kamus Bahasa Indonesia*. 1363, entri "santri"

<sup>7</sup> Di dalam kajian ini menggunakan kalimat *Pungkasan* yang mempunyai makna yang sama dengan *Wekasan* iaitu penghujung atau terakhir.

Madhan Khoiri pada tahun 2009.<sup>8</sup> Tapi kajian ini tidak menganalisis hukum solat *Rebo Wekasan* dan di daerah Jawa iaitu Wonokromo bukan di Madura. Termasuk juga kitab *Mujarrabāt al-Dayrabī al-Kabīr* yang menerangkan solat sunat yang disunatkan setahun sekali pada hari Rabu terakhir daripada bulan Safar dengan membaca doa khas.<sup>9</sup> Serta beberapa kajian di pondok pesantren seperti *Bulugh al-Ma'ani fi Bayan Funun al-Masa'il* yang mengumpulkan semua keputusan *Bahth al-Masā'il* pondok pesantren Miftahul Ulum Bettet Pamekasan Madura yang menyimpulkan dilarangnya solat *Rebo Wekasan*, kerana dikhuatirkan akan munculnya *tashri' jadid* (membuat hukum baru tanpa berpaksikan kepada syari'at Islam yang sebenar).<sup>10</sup> Kenyataan yang sama dengan *Bulugh al-Ma'ani fi Bayan Funun al-Masa'il* oleh kajian buletin mingguan "*Isntinbat*" daripada pondok pesantren Sidogiri Pasuruan Indonesia.<sup>11</sup> Dan juga hasil kajian *Munaqasyah Aqidah wal Fiqhiyah* Madrasah Aliyah Ummul Quro Putri di Pamekasan Madura.<sup>12</sup>

Daripada beberapa kajian lepas di atas, pengkaji belum menjumpai kajian tentang solat *Rebo Wekasan* yang melibatkan kitab *Tarjumān* karya KH. Abdul Hamid. Oleh itu, pengkaji ingin memperbahaskannya dalam kajian ini sehingga dapat mengenal pasti pandangan KH. Abdul Hamid dan membandingkannya dengan pandangan ulama lainnya.

## Dapatan Kajian

### Sejarah Kehidupan KH. Abdul Hamid dan Keturunannya

#### Gambar 1: KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq



Sekitar tahun 1810 M., KH. Abdul Hamid kecil dilahirkan di Banyuwangi. Seorang anak lelaki kepada Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq. Kiai Ithbat adalah pengasas pondok pesantren Banyuwangi

<sup>8</sup> Madhan Khoiri. "Makna Simbol dan Pergeseran Nilai Tradisi Upacara Adat Rebo Pungkasan (Studi Terhadap Tradisi Upacara Adat Rebo Pungkasan di Desa Wonokromo Kecamatan Pleret Kabupaten Bantul) Abstrak". (Disertasi Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2009), vii.

<sup>9</sup> Al-'Ālim al-'Allāmah al-Shaykh Ahmad al-Dayrabī. *Mujarrabāt al-Dayrabī al-Kabīr*. Mesir: Matba'at Muṣṭafā Muḥammad, t.t., 88-89.

<sup>10</sup> Pondok Pesantren Miftahul Ulum, *al-Ma'ani fi Bayan Funun al-Masa'il*. Pamekasan-Indonesia: Departemen Pengembangan Sumber Daya Santri Biro Bahtsul Masa'il, 1425 H./2004 M., Edisi 1/48.

<sup>11</sup> Pondok Pesantren Sidogiri. *Buletin Mingguan "Isntinbat"*. Pasuruan-Indonesia: Lembaga Penelitian dan Studi Islam Kuliah Syari'ah Pondok Pesantren Sidogiri, Edisi 169, (1428 H.), 9-11.

<sup>12</sup> Madrasah Aliyah Ummul Quro Putri. *Bahan Munaqasyah Aqidah wal Fiqhiyah*. Pamekasan-Indonesia: t.p., t.t..

dengan tujuan untuk mewujudkan cita-cita ayahnya yaitu Kiai Ishaq. Pondok pesantren Banyuanyar bermula sekitar tahun 1788 M. dan berusia sekitar 227 tahun sehingga kini.

Dengan berjalannya waktu, Kiai Ithbat berjaya mengajar anaknya (KH. Abdul Hamid) sehingga berlanjut belajar ke kota Mekah. Antara gurunya adalah Shaykh Nawawi al-Bantani.<sup>13</sup> Pada tahun 1868 M., Kiai Ithbat wafat dan seterusnya kepemimpinan pondok pesantren diganti oleh KH. Abdul Hamid. Pada tahun 1933 M., KH. Abdul Hamid meninggal dunia di Mekah<sup>14</sup> ketika menunaikan ibadah haji<sup>15</sup> dan dikuburkan di bahagian barat perkuburan al-Ma'la.<sup>16</sup>

Nasab keluarga KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq ini masih ada hubungannya dengan Sunan Giri<sup>17</sup> yang berada di Gresik Jawa Timur. Sebab, Kiai Ishaq adalah anak lelaki kepada Kiai Hasan, manakala Kiai Hasan adalah anak lelaki kepada Kiai Abdurrahman<sup>18</sup> dan seterusnya Kiai Abdurrahman adalah menantu kepada Sunan Giri Gresik Jawa Timur.<sup>19</sup> Manakala Sunan Giri adalah salah seorang daripada Sembilan Sunan atau masyhur dengan sebutan *Wali Songo*. Oleh itu, bilamana dilihat daripada sisi nasab keturunan KH. Abdul Hamid, sememangnya beliau mempunyai nasab yang tinggi dan luhur. Beliau masih keturunan seorang pejuang agama Islam di pulau Jawa pada masa awal datangnya Islam ke Jawa. Tidak keterlaluan jika dikatakan, bahawa memang telah mengalir di dalam diri beliau darah seorang alim besar iaitu Sunan Giri.

KH. Abdul Hamid terkenal dengan sifat-sifat yang terpuji, antaranya beliau sering menangis jika tersilap dalam perkara agama, walaupun kesilapan tersebut sangat kecil dan tidak sampai berimpak kepada dosa. Pernah sekali beliau tidak sengaja melakukan kesilapan dengan memulakan kaki kiri ketika hendak memasuki masjid. Beliau dengan segera mundur ke belakang, kemudian menangis kerana merasa tidak beradab memasuki rumah Allah (masjid). Pernah juga beliau menangis ketika memotong daun yang masih ada di dahannya kerana telah menyakiti makhluk hidup. Padahal syari'ah tidak memberikan hukuman terhadap perbuatan tersebut.

---

<sup>13</sup> Zainuddin Syarif. Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman). *Nuansa* (2018), 154.

<sup>14</sup> Zainudin Syarif. *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*. Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007, 29.

<sup>15</sup> Imamuddin. "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks", 33.

<sup>16</sup> Muhammad Ali Hisyam. "Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu". *Majalah Dinamika*, Ed. 1, (2003), 84.

<sup>17</sup> Sunan Giri mempunyai dua nama lain iaitu Ainul Yaqin dan Raden Paku. Beliau adalah kepada Maulana Ishak, iaitu sahabat dekatnya Raden Rahmat atau Sunan Ampel Atau Ngampel. Sunan Ampel adalah ayah kepada Makhdum Ibrahim atau Sunan Bonang. Sunan Giri dan Sunan Bonang pernah belajar Ilmu Islam Di Negeri Melaka selama tiga tahun kepada seorang Shaykh daripada Iran. Kemudian keduanya kembali ke Jawa. Makhdum Ibrahim memperjuangkan agama Islam di Bonang dekat Tuban (salah satu Kabupaten di Jawa Timur), daripada itu beliau disebut Sunan Bonang. Sedangkan Ainul Yaqin Atau Raden Paku berjuang di Giri-Gresik (yang mana ianya juga adalah nama salah satu Kabupaten di Jawa Timur), oleh itu beliau disebut Sunan Giri. Murid-murid beliau banyak yang datang daripada pulau Madura. Lihat: HAMKA. *Sejarah Umat Islam*, 747-748.

<sup>18</sup> Zainudin Syarif. *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*, 26.

<sup>19</sup> Meskipun permasalahan nasab ini masih perlu diperdalam dalam lagi dalam salasilah keluarga besar KH. Abdul Hamid bin Kiai Ithbat bin Kiai Ishaq bin Kiai Hasan. Sila lihat: Admin Pondok, "Bany Itsbat Bani Itsbat" (2020), accessed Jun 3, 2022, <https://www.alkhoirot.com/bany-itsbat-bani-isbat/>.

Pernah juga beliau dijumpai menangis ketika melihat orang merokok. Beliau tidak melarang langsung orang yang merokok tadi, tapi beliau berkata kepada si perokok bahawa sebaiknya membaca istighfar daripada merokok, kerana hal itu lebih afdal baginya. Beliau juga berpesan kepada si perokok: “Bagaimana kalau api rokok itu mengenai kain pelikat (sarung) kemudian berlubang, maka solatnya tidak sah sebab auratnya tidak tertutup?”. Lalu si perokok menjadi malu dan berhenti dengan membuang rokoknya.<sup>20</sup> Ini menunjukkan bahawa beliau adalah seorang yang tegas ketika melihat suatu kesalahan, walaupun kesalahan itu kelihatan kecil. Namun, penuh dengan hikmah ketika beliau menegur seseorang. Selari dengan apa yang diperintahkan Allah dan Rasul-Nya.<sup>21</sup> Sememangnya beliau menyarankan supaya seseorang jangan selalu merokok kerana merokok tidak membuat orang lapar menjadi kenyang, orang haus menjadi segar, membuang harta tanpa faedah yang sepatutnya, ini kerana merokok dapat melalaikan seseorang daripada berzikir mengingat Allah. Bahkan beliau mengatakan bahawa merokok ini adalah bid’ah.<sup>22</sup>

Selain daripada itu beliau juga terkenal dengan istiqamahnya dalam solat berjemaah. Pernah beliau terkena penyakit lumpuh separuh badannya. Namun beliau tetap mengimamkan anak-anak muridnya. Beliau juga sering berpuasa sunat. Banyak orang yang mengatakan hal ini meskipun berbeza-beza riwayat berapa lama beliau berpuasa. Ada yang mengatakan bahawa beliau berpuasa selama 15 tahun. Beliau membahagikan puasanya ini pada tiga doa dan harapan. Tahun pertama puasa beliau bertujuan untuk mendoakan ahli keluarga serta keturunannya. Kemudian tahun kedua beliau berpuasa untuk mendoakan anak-anak muridnya. Pada tahun ketiga beliau berpuasa untuk mendoakan semua jiran yang bermukim di persekitaran pondok pesantren. Ada pula yang mengatakan beliau berpuasa selama 20 tahun, ada juga yang mengatakan sampai 25 tahun.<sup>23</sup>

Isteri beliau merupakan orang yang sangat taat dan salehah. Mereka berdua berjanji tidak akan tidur bersama, kecuali selepas mengkhatamkan al-Quran. Oleh itu setiap kali khatam, baru mereka bermu’asharah<sup>24</sup> suami-isteri. Beliau dengan isterinya terkenal dengan kezuhudannya. Pernah suatu ketika isterinya menjumpai sesuatu yang pelik ketika membasuh beras<sup>25</sup> untuk dimasak. Serta merta sang isteri terkejut, kerana tidak disangka beras tersebut berubah menjadi emas. Seketika itu dia mendatangi beliau seraya menangis dan bertanya: “Adakah kamu berdoa

<sup>20</sup> (Al-Marhum) KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar semenjak tahun 1980-2021), dalam temubual dengan pengkaji, 11 November 2011.

<sup>21</sup> “ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ رَبِّي هِيَ أَحْسَنُ” QS. al-Nahl: 125.

<sup>22</sup> Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. *Tarjumān*. Surabaya-Indonesia: Dār al-Saqqāf, 1980, 80.

<sup>23</sup> Ust. Muzammil Imron, MA. (Beliau adalah antara alumni dan aktif mengajar di pondok pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.


<sup>24</sup> “وَ عَاشِرُوهُنَّ لِمَعْرُوفٍ” QS. al-Nisa’: 19.

<sup>25</sup> Sebahagian sumber mengatakan beras itu bukan padi, tapi jagung yang sudah dihancurkan (dihaluskan) menjadi kecil-kecil. Sumber ini diambil daripada sumber lain iaitu Kiai Muhri. Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni pondok pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

tidak ikhlas kepada Allah?”. Sebab yang diminta dan dipohon kepada Allah bukan banyak harta, tapi memohon kekuatan dalam agama (bermakna, berdoa untuk akhirat bukan untuk dunia). Disangkanya KH. Abdul Hamid berdoa atau beribadah untuk mencari habuan dunia sahaja. Dengan sikap suami yang bijaksana, beliau menyuruh isterinya kembali ke tempat semula di mana dia membasuh beras. Ternyata emas tadi berubah menjadi beras semula. Itulah antara sifat-sifat terpuji beliau yang pengkaji dapatkan dari beberapa sumber.<sup>26</sup>

### Kitab *Tarjumān*: Huraian Am dan Latar Belakang Penulisannya

Gambar 2: Kitab *Tarjumān*



Pada mulanya kitab ini berbentuk tulisan-tulisan kertas atau boleh disebut dengan risalah-risalah kecil, kemudian dikumpulkan dan dijadikan satu kitab yang dinamakan kitab *Tarjumān*. Sekitar tahun 1974 M.,<sup>27</sup> selesailah penulisan ulang kitab *Tarjumān* pada masa kepimpinan KH. Abdul Hamid Baqir bin KH. Abdul Majid cucu kepada KH. Abdul Hamid. Hal ini dibuat dikeranakan banyak permintaan daripada santri sama ada yang masih belajar atau yang sudah lulus daripada pondok pesantren Darul Ulum Banyuwanyar<sup>28</sup> serta masyarakat supaya karya KH. Abdul Hamid mudah untuk dipelajari dan menjadi khazanah keilmuan yang terjaga.

Adapun proses pengkajian kitab *Tarjumān* bermula dengan pengumpulan risalah-risalah kecil yang ada di tempat yang berbeza-beza sehingga memerlukan waktu satu bulan, barulah dapat ditulis dan dijadikan dalam satu kitab dan proses pengumpulan risalah-risalah ini dibantu juga oleh KH. Ahmad Faqih Desa Toronan Kowel Pamekasan. Seterusnya selepas selesainya penulisan kitab ini, biaya percetakan ditanggung oleh Hj. Nawawi bin Hj. Ahmad Nur daripada Karang Sokon Sumenep.<sup>29</sup>

Kitab ini ditulis khas sebagai asas agama bagi kalangan awam. Mungkin daripada segi isi, kitab *Tarjumān* bukanlah kitab yang sangat istimewa. Kandungannya hanya sesuatu yang biasa.

<sup>26</sup>Kiai Muhri (Beliau adalah antara alumni pondok pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.

<sup>27</sup> Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. *Tarjumān*, 126.

<sup>28</sup> *Ibid*, 3.

<sup>29</sup> *Ibid*, 2-3.

Namun, ianya mempunyai pengaruh yang sangat besar terhadap perubahan keislaman orang Madura pada masa itu terkhusus masyarakat Pamekasan Madura dan sekitarnya.<sup>30</sup> Dengan adanya kitab *Tarjumān* yang berbahasa Madura, banyak memahami masyarakat awam yang susah belajar agama dengan menggunakan kitab yang berbahasa Arab.

### Metode Penulisan Kitab *Tarjumān*

Tidak dijumpai kata sepakat, munculnya penulisan huruf Arab pegon (tulisan Jawi).<sup>31</sup> Ada yang mengatakan di persekitaran tahun 1200 M./1300 M. bersamaan dengan masuknya Islam ke Nusantara yang merubah kepercayaan Animisme, Hindu, dan Budha. Ada juga yang mengatakan pada tahun 1400 M. oleh Raden Rahmat atau Sunan Ampel Surabaya. Ada pula yang berpendapat bahawa pemilik tulisan pegon adalah Syarif Hidaytullah atau Sunan Gunung Jati Cirebon Jawa Barat. Tulisan huruf pegon mempunyai pengaruh besar terhadap dunia pendidikan di kebanyakan pondok pesantren di Jawa<sup>32</sup> dan Madura sehingga kitab *Tarjuman* juga ditulis dengan menggunakan huruf pegon.

Meskipun penulisan kitab *Tarjuman* ditulis dengan huruf Jawi, namun ianya mempunyai ciri-ciri khas yang berbeza dengan kitab lainnya. Antaranya tulisan Jawi di kitab ini dilengkapi dengan barisnya (*harkat*), sehingga mudah untuk dibaca semua orang terutamanya orang awam. Kitab ini ditulis tanpa menggunakan pemisah setiap perbahasan (*faṣḥun*) atau pemisah antara permasalahan-permasalahan yang dibahas. Maka orang yang membacanya akan mengalami kesulitan untuk mencari permasalahan yang diinginkan. Penulisan kitab ini tidak memperhatikan tanda-tanda seperti tanda titik atau koma. Oleh itu, pembacanya harus pandai dan teliti.

Kitab ini ditulis tanpa ada dalil atau rujukan kecuali ada sebahagian kecil perbahasan yang memiliki rujukan seperti perbincangan tentang rajah pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar, yang dikatakan ada dalam kitab *al-Jawāhir*.

Dalam permasalahan tauhid, kitab *Tarjuman* mengikut aqidah Imam Asy'ari. Hal itu nampak jelas ketika beliau mengatakan bahawa ada lima puluh *aqā'id* yang wajib kita ketahui iaitu *wujūd*, *qidam*, *baqā'* dan seterusnya. Dalam bidang fiqh, *Tarjumān* mengikut mazhab Imam Syafi'i. Seterusnya dalam bidang tajwid, *Tarjuman* mengikut riwayat Imam Hafis daripada Imam 'Asim.<sup>33</sup>

---

<sup>30</sup> Temubual dengan (Almarhum) KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin kiai Ithbat) di pondok pesantren Manbaul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.

<sup>31</sup> *Kamus Dewan*, 1160, entri "pegon".

<sup>32</sup> Ibnu Fikri. *Aksara Pegon: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX*. IAIN Semarang (2014). Dicapai pada May 18, 2022, [http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu\\_Fikri-Aksara\\_pegon\\_Ringkasan.pdf](http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf)


<sup>33</sup> Imamuddin. "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjuman* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks", 41-42.



Perbincangan


Solat Rebo Wekasan: Teks dalam Kitab *Tarjumān* dan Terjemahan

Gambar 3: Teks Kitab *Tarjumān* Mengenai Solat Rebo Wekasan



Terjemahan: Ada satu faedah yang dikatakan oleh orang ahli makrifat kepada Allah Ta’ala yang dibuka mata hatinya, bahawa sesungguhnya setiap hari Rabu terakhir bulan Safar turun bala daripada langit sebanyak 320.000 bala. Barangsiapa yang solat pada hari Rabu tersebut sebanyak 4 rakaat, selepas Al-Fatihah dibaca surah Al-Kauthar sebanyak 17 kali dan surah al-Ikhlās lima kali dan surah Mu’awwidhatayn sekali. Kemudian membaca doa ini selepas solat, mudah-mudahan Allah Ta’ala akan memberikan keselamatan dengan pertolonganNya daripada bala yang banyak tersebut. Doanya adalah:

Gambar 4: Lanjutan Teks Kitab *Tarjumān* Mengenai Solat Rebo Wekasan



Terjemahan: Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, wahai Yang Maha Dahsyat kekuatannya, Yang Maha Dahsyat seksaannya, Yang Maha Perkasa, dengan keperkasaanMu Engkau menundukkan semua makhlukMu, selamatkanlah aku daripada keburukan/kejahatan semua



makhlukMu, wahai Allah Yang Maha dalam kebaikan, Yang Memberikan kurnia/keutamaan, Yang Memberikan nikmat, Yang Memuliakan, wahai Zat yang tiada berhak untuk disembah kecuali Engkau.

Ya Allah dengan sebab (*wasīlah*) keistimewaan sayyidina Hasan ra dan saudaranya (sayyidina Husin ra) berikut Datuk serta ayahnya selamatkan aku daripada keburukan hari ini dan apa yang turun (daripada bala), wahai Zat Yang Maha Memberikan keselamatan (maka Allah akan menyelamatkan mereka dan Dialah yang Maha Mendengar dan Mengetahui) dan cukuplah bagi kami Allah sebagai pelindung dan sebaik-baik wakil (penolong kami). Dan tiada daya serta kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi dan Agung. Semoga Allah selalu mencurahkan selawat dan salamNya ke atas baginda Muhammad SAW serta keluarga dan para sahabat-sahabat beliau. Dan segala puji hanyalah bagi Allah Tuhan semesta alam. Amin.<sup>34</sup>

### **Definisi *Rebo Wekasan***

Kalimat *Rebo* berasal daripada bahasa Jawa yang bermakna hari Rabu.<sup>35</sup> Manakala kalimat *Wekasan* juga berasal daripada bahasa Jawa yang bermakna akhir atau penghujung.<sup>36</sup> Oleh itu, maksud bagi solat *Rebo Wekasan* adalah solat sunat yang dikerjakan pada hari Rabu terakhir pada bulan Safar sepertimana yang telah dijelaskan. Namun ketikamana solat ini tersebar di Madura, masyarakat menyebutnya dengan solat *Rebbuh Bekkasan*.

### **Autoriti Solat *Rebo Wekasan***

Dalam perbahasan solat *Rebo Wekasan*, KH. Abdul Hamid menyebutkan satu kitab iaitu *al-Jawahir*. Nama penuh kitab itu adalah kitab *al-Jawāhir al-Khams* karya al-Shaykh Sayyidi Muhammad Ibn Khatir al-Din Ibn Bayazid Ibn Khawajah al-'Attar. Sememangnya dalam kitab tersebut dijelaskan tentang kesunnahan solat tersebut, sepertimana berikut:

“Al-Shaykh al-Kāmil Farīd al-Dīn Sakarajanjū berkata: Saya menjumpai dalam sebahagian kitab *al-Awrad* karya al-Khawājā Muī'n al-Dīn semoga Allah mensucikan rohnya yang mulia, bahawa sesungguhnya akan turun pada setiap tahun 320.000 bala bencana yang kesemuanya turun pada hari Rabu terakhir bulan Safar. Maka, hari itu adalah hari yang paling susah dalam setahun. Maka barang siapa yang solat sebanyak 4 rakaat, pada setiap rakaatnya pula setelah membaca surah al-Fatihah, bacalah surah al-Kauthar sebanyak 17 kali, al-Ikhlās 5 kali dan al-Mu'awwidhatayn satu kali. Kemudian selepas salam berdoa, maka Allah akan menjaganya dengan kemuliaanNya daripada turunnya semua bala bencana pada hari Rabu tersebut dan tidak akan mengengainya satu bala pun daripada bala-bala itu sehingga sempurna

---

<sup>34</sup> Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. *Tarjumān*, 90-91. Doa ini juga akan dijumpai di dalam buku *Wirid dan Doa Selepas Solat*. Sila rujuk: Johari Hj. Alias. *Wirid dan Doa Selepas Solat*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996, 110-111.

<sup>35</sup> Rebo bermakna hari Rabu. Lihat: *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1299, entri “rebo”.

<sup>36</sup> “Melongok Tradisi Rebo Kasan di Kampung Halaman” (2021). Dicapai pada Jun 31, 2022, <https://www.kompasiana.com/madyusup/615d62a13ec8e049bb6f96a3/melongok-tradisi-rebo-kasan-di-kampung-halaman>.

satu tahun. Inilah doa yang mulia itu (doa yang sama dengan yang ada di kitab *Tarjumān* dan pengkaji sudah menterjemahkannya).<sup>37</sup>

Selari dengan kitab *al-Jawāhir al-Khams*, kitab *Mujarrabāt al-Dayrabī al-Kabīr*<sup>38</sup> juga menjelaskan riwayat solat *Rebo Wekasan*. Riwayat itu diambil daripada sebahagian *al-‘Ārifīn* atau ulama daripada ahli kasyaf<sup>39</sup>, bahawa pada setiap tahun akan turun bala bencana sebanyak 320.000 yang turun pada hari Rabu terakhir di bulan Safar. Oleh itu, digalakkan supaya mendirikan solat sunat empat rakaat sepertimana dijelaskan dalam kitab *Tarjumān*.<sup>40</sup> Seterusnya kenyataan yang sama, dinukil oleh kitab *Kanz al-Najāh wa al-Surūr*. Termasuk juga riwayat yang agak berbeza dinukil daripada kitab *al-Firdāūs* karya al-Shaykh al-Būnī. Meskipun ada sedikit perbezaan daripada segi jumlah rakaatnya iaitu ada enam rakaat.<sup>41</sup>

Kitab *Nihāyat al-Zayn* juga menjelaskan semua bencana yang sudah ditakdirkan oleh Allah SWT dalam setahun tanpa memberi jumlah yang khusus seberapa banyak bencana tersebut. Kitab *Nihāyat al-Zayn* tidak menjelaskan tentang solat *Rebo Wekasan* sebagai solat yang dapat menolak bencana-bencana tersebut. Hanya sahaja kitab ini menjelaskan bahawa sesiapa sahaja yang ingin selamat daripada bencana-bencana tersebut semestinya dia menulis 7 ayat salam.<sup>42</sup>

Manakala kitab *al-Luma’ ‘alā Kitāb Islāh al-Mujtama’* dinyatakan bahawa, bala bencana yang turun bukan dikatakan semua bala bencana dalam satu tahun bukan juga dalam jumlah 320.000 jenis bala bencana, akan tetapi bala bencana yang turun itu dilipat gandakan sehingga lima kali ganda daripada bala yang turun di bulan-bulan yang lain.<sup>43</sup>

Diriwayatkan juga bahawa solat *Rebo Wekasan* ini dikerjakan pada pagi hari di waktu dhuha sebanyak dua rakaat dengan membaca dua ayat (قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ) surah Al Imran ayat 26-27 pada rakaat pertama setelah membaca surah al-Fatihah dan pada rakaat kedua membaca dua ayat (قُلِ

<sup>37</sup> Muḥammad ibn Khāṭir al-Dīn ibn Bāyazīd al-‘Aṭṭār Abū al-Muayyad, *al-Jawāhir al-Khams*, King Saudi University (1997). Sayyid Muḥammad Ibn Khāṭir al-Dīn Ibn Bāyazīd Ibn Khawājah al-‘Aṭṭār. *Kitāb al-Jawāhir al-Khams ‘‘Ṣalāt al-Ṣafar’’*. t.tp.: al-Ḥājj ‘Abdullāh al-Yasār al-Tijānī, t.t., 51-52.

<sup>38</sup> Kitab ini adalah karangan al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Shaykh Aḥmad al-Dayrabī. Kitab ini juga memiliki nama lain *Faṭḥ al-Mālik al-Majīd al-Muallaf li Naf’i al-‘Abīd*.

<sup>39</sup> Orang-orang yang dibukakan hijab (penghalang) untuk dapat melihat perkara-perkara ghaib. Ini adalah istilah orang-orang sufi atau ahli tasawwuf. Sila rujuk: al-‘Allāmah ‘Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī. *Mu’jam al-Ta’rifāt* ed. Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī. Kaherah: Dār al-Faḍīlat, t.t, 154-155.

<sup>40</sup> Al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Shaykh Aḥmad al-Dayrabī. *Mujarrabāt al-Dayrabī al-Kabīr*, 88-89. ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fi al-Ad’iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr ‘‘Bayān Mā Yuṭlab fī Ṣafar al-Khayr’’*. Suriah: Dār al-Sanābil/Beirut: Dār al-Ḥāwī, 2009, 95-96.

<sup>41</sup> *Ibid*, 96-97. KH. M. Ulil Albab Arwani. "Memetik Kebaikan Bulan Safar". *Arwaniyyah*, (2012), 81-82.

<sup>42</sup> Abū al-Mu’ṭī Muḥammad ibn ‘Umar Nawawī al-Jāwī. *Nihāyat al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi’īn Sharḥ ‘ala Qurrat al-Ayn bi Muhimmāt al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1422 H./2002 M., 67.

<sup>43</sup> Al-‘Allāmah Muḥammad Ibn Sālim al-Bayhanī. *al-Luma’ ‘alā Kitāb Islāh al-Mujtama’ : Al-Ḥadīth al-Khāmis wa al-Sittūn*, ed. Abū ‘Abd al-Raḥmān Yaḥyā ibn ‘Alī al-Hajūrī. t.tp.: Dār al-‘Āshimah li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t., 449-450.

(ادْعُوا - أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ) surah al-Isra' ayat 110-111. Kemudian sesudah itu berselawat ke atas nabi Muhammad SAW dan berdoa supaya terhindar daripada bala bencana dan bahaya hari nahas.<sup>44</sup>

Juga turut membincangkan tentang solat *Rebo Wekasan* yang sama dengan kitab *Tarjuman* iaitu kitab *Majmū' Kitab Primbon Sembahyang*<sup>45</sup> yang ditulis dengan bahasa Jawa bertuliskan Jawi<sup>46</sup> dan juga buku *Amalam-amalan Islam siri 2: Amalan Bulan Shafar dan Shalawat* karya Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah<sup>47</sup> serta dalam *Bada-i'uz Zuhur*<sup>48</sup> oleh Al-'Alim al-'Allamah al-Zaki Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani.

Ada juga sebahagian yang mengatakan bahawa riwayat solat *Rebo Wekasan* diperkuat dengan riwayat hadith mengenai hari Rabu nahas.<sup>49</sup> Berikut ini beberapa hadith tersebut:

أَخِرُ أَرْبَعَاءٍ فِي الشَّهْرِ يَوْمَ نَحْسٍ<sup>50</sup>

Terjemahan: Hari Rabu akhir dalam satu bulan itu adalah hari nahas.

يَوْمُ الْأَرْبَعَاءِ يَوْمٌ نَحْسٌ مُسْتَمِرٌّ<sup>51</sup>

Terjemahan: Hari Rabu adalah hari nahas berterusan.

لَا يُبْدَأُ جَدَامٌ وَ لَا بَرَصٌ إِلَّا يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ<sup>52</sup>

Terjemahan: Adapun penyakit lepra (penyakit kusta pada peringkat permulaan) dan kusta tidak bermula kecuali pada Rabu.

<sup>44</sup> 'Abd al-Ḥayy ibn Muḥammad 'Abd Ḥalīm al-Laknawī. *Al-Āthār al-Marfū'ah fī al-Akhbār al-Mawḍū'ah* ed. Abū Ḥājir Muḥammad al-Sa'īd Ibn Basyūnī Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984, 111.

<sup>45</sup> Pengkaji juga merujuk kepada buku ini sebab ianya adalah buku yang mudah dibaca dan difahami oleh kalangan awam. Sehingga mereka mengamalkan isi kandungannya manakala hal itu masih perlu kepada pengkajian ditambah lagi buku ini ditulis tanpa pengarang.

<sup>46</sup> (Tanpa Pengarang). *Majmū' Kitab Primbon Sembahyang*. Surabaya: Maktabat Muḥammad Ibn Aḥmad Nabḥān wa Awlādūhū, t.t., 118-119.

<sup>47</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Amalam-amalan Islam siri 2: Amalan Bulan Shafar dan Shalawat*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulisan Khazanah Klasik Melayu & Khazanah Fathaniyah, 2004, 3.

<sup>48</sup> Al-'Ālim al-'Allāmah al-Zakī Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. *Bada-i'uz Zuhur*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1997, 2/56-57.

<sup>49</sup> Pondok Pesantren Sidogiri. *Buletin Mingguan "Istinbat"*, 9-10. Yusuf Suharto. "Penjelasan Mengenai *Rebo Wekasan*" (2013). Dicapai pada Jun 13, 2022, <https://nu.or.id/ubudiyah/penjelasan-mengenai-rebo-wekasan-SB92l>.

<sup>50</sup> 'Abd Raḥmān ibn 'Alī ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār. Riyad: Maktabat Aḍwā' al-Salaf, 1997, 2/71-74. Al-Imām Shamsuddīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn 'Uthmān al-Dhahabī. *Talkhīs al-Mawḍū'āt li Abi al-Faraj Ibn al-Jawzī*. Riyad: Maktabat al-Rushd wa Shirkat al-Riyāḍ li al-Nashr wa Tawzī', 1419 H./1998 M., 167.

<sup>52</sup> 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī. *Al-Laālī al-Maṣnū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah "Manāqib al-Ayyām wa al-Buldān"*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t., 1/485.

Selain daripada itu, ada riwayat yang menyatakan kenahasan hari Rabu terakhir sepertimana berikut:

يَوْمُ الْأَرْبَعَاءِ نِيَوْمٌ قَلِيلٌ الْخَيْرِ وَ الْأَرْبَعَاءِ الْأَخِيرُ مِنَ الشَّهْرِ يَوْمٌ نَحْسٍ مُسْتَمِرٍّ يُحْمَدُ فِيهِ  
الْإِسْتِحْمَامُ

Terjemahan: Hari Rabu adalah hari yang sedikit kebaikannya dan hari Rabu terakhir pada setiap bulan itu merupakan hari nahas yang berterusan sehingga sangat baik (terpuji) kalau mandi pada hari itu.<sup>53</sup>

## Pandangan Ulama

### Golongan yang Membolehkan Solat *Rebo Wekasan*

Dengan mengenal pasti sumber atau autoriti solat *Rebo Wekasan*, dapat diketahui ada beberapa ulama yang membolehkan pengamalan solat tersebut. Antaranya adalah al-Shaykh al-Kāmil Farīd al-Dīn Sakarajanjū,<sup>54</sup> al-Shaykh Aḥmad al-Dayrabī,<sup>55</sup> al-Shaykh al-Būnī<sup>56</sup> dan semua ulama yang bersetuju dengan pandangan ini termasuk al-‘Alim al-‘Allamah Al-Zaki Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani di dalam salah satu kitabnya,<sup>57</sup> Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (juga berpendapat sama di dalam buku beliau)<sup>58</sup> dan Abd. Rahman Mukhlis,<sup>59</sup> Kamaruddin Mahmood,<sup>60</sup> Abu Muhammad Nur Saiful Rahman.<sup>61</sup> Mereka mengemukakan beberapa hujah iaitu ilham, hadith, ayat al-Quran, kaedah fiqhiyah dan sejarah masa lampau.

#### 1. Ilham

Golongan ini memahami bahawasanya riwayat solat *Rebo Wekasan* merupakan ilham (ahli kasyaf) yang sah dan boleh digunapakai kerana ia bersumber daripada waliyullah yang dapat dipercayai kebenarannya. Dalam Islam, umat diajar supaya percaya terhadap kejadian-kejadian

<sup>53</sup> Al-Imām al-‘Ālim Zakariyyā ibn Muḥammad ibn Maḥmūd al-Kūfī al-Qazwīnī. *‘Ajāib al-Makhlūqāt wa al-Hayawanāt wa Gharāib al-Mawjūdāt*. Manshūrāt Muassasat al-‘Ālamī li al-Maṭbū‘āt, Beirut-Lubnan- Pos Code 7120, 2000 M./1421 H., 66.

<sup>54</sup> Sayyidī Muḥammad ibn Khāṭir al-Dīn ibn Bāyazīd ibn Khawājah al-‘Aṭṭār. *Kitāb al-Jawāhir al-Khams “Ṣalāt al-Ṣafar”*, 50-51. ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fi al-Ad‘iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr “Bayān Mā Yuṭlab fī Ṣafar al-Khayr”*, 96.

<sup>55</sup> Al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Shaykh Aḥmad al-Dayrabī. *Mujarrabāt al-Dayrabī al-Kabīr*, 88-89.

<sup>56</sup> ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fi al-Ad‘iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr “Bayān Mā Yuṭlab fī Ṣafar al-Khayr”*, 96-97.

<sup>57</sup> Al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Zakī Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. *Bada-i ‘uz Zuhur*, 2/56-57.

<sup>58</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Amalam-amalan Islam siri 2: Amalan Bulan Shafar dan Shalawat*, 3.

<sup>59</sup> Abd. Rahman Mukhlis. *170 Solat-solat Sunat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise (penerbit)/Percetakan Zafar Sdn. Berhad, 2002 M./1422H., 131-133.

<sup>60</sup> Kamaruddin Mahmood. *Himpunan Solat-solat Sunat*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya, 1984, 51-53.

<sup>61</sup> Abu Muhammad Nur Saiful Rahman. *Himpunan 75 Solat-solat Sunat*. Bandar Tun Razak-Malaysia: Asian Printing Works, 1996, 94-96

pelik (مخارق العادة) yang terjadi melalui orang wali.<sup>62</sup> Ungkapan ini berlandaskan sebuah keterangan daripada kitab *al-'Aqīdah al-Wasīṭiyyah* karangan Al-Shaykh Ibn Taymiyyah sebagaimana berikut:

“Dan daripada sebahagian asas aqidah ahlu sunnah adalah mempercayai *karomah* (kelebihan) para wali dan semua hal pelik yang Allah kurniakan kepada mereka sama ada hal itu berbentuk ilmu pengetahuan, *mukāshafah* (dibukakan sesuatu yang ghaib termasuk di dalamnya ilham), segala jenis kekuatan dan memberi kesan (kepada orang lain seperti mengubat). Dan (kisah para wali) yang *ma'thur* (diriwayatkan secara sahih dalam al-Quran) daripada umat-umat terdahulu adalah *ashabul kahfi* dan yang lainnya, begitu juga apa yang sudah terjadi pada zaman awal umat ini (umat Muhammad SAW) daripada para sahabat, tabi'in dan seluruh umat ini yang akan berterusan sehingga hari kiamat”.<sup>63</sup>

## 2. Hadith

Beberapa hadith yang dijadikan dasar untuk mengamalkan solat *Rebo Wekasan* yang sudah disebutkan sebelum ini. Boleh rujuk pada perbincangan mengenai sumber asal solat ini.

### a. Ayat al-Quran

Surah al-Qamar yang menceritakan tentang turunnya azab ke atas kaum 'Ad.



al-Qamar (54): 19

Terjemahan: Sesungguhnya Kami telah menghembuskan kepada mereka angin yang sangat kencang pada hari nahas yang terus menerus.

Al-Imām al-Qurṭubī menafsirkan ayat 41 surah Fussilat, tidak jauh berbeza dengan tafsiran al-Imam al-Shawkānī<sup>64</sup> terhadap ayat 19 surah al-Qamar yang dapat menguatkan dalil

<sup>62</sup> Ini adalah ungkapan KH. Muhammad Idrus Ramli dalam kalangan ulama muda Nahdlatul Ulama (NU). Sila layari: Ustadz Idrus Ramli, “Hakekat Rebo Wekasan (Rabu Terakhir) Safar” (2013). Dicapai pada Jun 31, 2022, <https://santri.net/aqidah-akhlak/ubudiyah/hakekat-rebo-wekasan-rabu-terakhir/> Pengkaji memasukkan pandangan beliau yang membolehkan solat *Rebo Wekasan*, sebab beliau merupakan orang penting di pertubuhan NU. Namun pandangan beliau ini, menyelisih pandangan KH. Hasyim Asy'ari sebagai pengasas NU yang yang menolak pengamalan solat ini.

<sup>63</sup> Al-Shaykh Aḥmad ibn 'Abd al-Ḥalīm ibn Taymiyyah. *al-'Aqīdah al-Wasīṭiyyah*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatihā, 1399 H., 26.

<sup>64</sup> *يَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ نَحْسٌ مُسْتَمِرٌّ*

Pada hakikatnya, al-Imam Shawkani hanya menukulkan hadith sahaja dan tidak menjadikannya sebagai hujah untuk meyakini kenahasannya hari Rabu. Kerana bagi beliau hadith itu adalah *mawdu* 'ataupun palsu. Ini dapat dilihat dalam nota kaki untuk hadith tersebut di dalam kitab tafsir *Fath al-Qadīr*. Lihat: Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad al-Shawkānī. *Fath al-Qadīr al-Jāmi' bayna Fannay al-Riwāyah wa al-Dirāyah min 'Ilm al-Tafsīr "Sūrat al-Qamar: al-Ayat 18-40"*, ed. 'Abd al-Raḥmān 'Umairah. t.tp, t.p, t.t., 5/169. Juga dapat dilihat langsung dalam kitab Muḥammad ibn 'Alī al-Shawkānī. *Al-Fawāid al-Majmū'ah fi al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah "Faḍāil al-Amkinah wa al-Azminah"* ed. 'Abd al-Raḥmān ibn Yaḥyā al-

pengamalan solat *Rebo Wekasan*. Al-Imām al-Qurṭubī menafsirkan lafaz *أَيُّمَ نَحْسَاتٍ* (hari-hari nahas tersebut) ialah hari Rabu yang berterusan sehingga hari Rabu berikutnya di akhir bulan Syawal. Pada hari-hari itulah Allah mengazab orang-orang kafir (kaum 'Ād). Jumlah hari tersebut dijelaskan dalam surah al-Haqqah (69):7, iaitu Allah menimpakan angin itu kepada mereka selama tujuh malam dan delapan hari terus menerus. Ibn 'Abbas ra berkata: tidak akan diazab suatu kaum kecuali pada hari Rabu.<sup>65</sup>

#### b. Kaedah Fiqhiyyah

Bagi mendokong hujah pengamalan solat *Rebo Wekasan*, sebahagian mereka menggunakan kaedah fiqhiyyah sebagaimana berikut:

الْعَادَةُ مُحْكَمَةٌ<sup>66</sup>

Terjemahan: Adat atau pun kebiasaan itu dapat menjadi hukum (yang sah dan diiktiraf dalam syarak).

Melaksanakan solat *Rebo Wekasan* adalah merupakan kebiasaan yang telah menjadi warisan turun temurun daripada zaman ulama terdahulu para waliyullah dan kaum sufi. Begitu juga sebahagian ulama-ulama pondok pesantren di Indonesia termasuk juga di kalangan ulama Melayu.<sup>67</sup> Oleh itu, solat ini dihukumi sah dan boleh dikerjakan serta tidak ada tegahan daripada syarak<sup>68</sup> kerana sudah menjadi kebiasaan di kalangan masyarakat.<sup>69</sup> Sehingga tradisi ini masih dijaga dengan baik sehingga kini.<sup>70</sup>

#### c. Sejarah (Peristiwa Buruk pada Bulan Safar)

Penghujahan sebegini dapat dilihat dalam *Bada-i'uz Zuhur jilid 2* karya al-'Alim al-'Allamah Al-Zaki Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani yang disampaikan oleh Wan Mohd. Shaghir Abdullah. Beliau mengatakan dalam sebuah catatan kaki bahawa banyak peristiwa yang

Mu'allimī al-Yamanī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995, 438. Lihat juga: Ali Mustafa Yaqub. *Fatwa Imam Besar Masjid Istiqlal "Ibadah Rebo Wekasan"*. Jakarta: PT. Pustaka Firdaus, 2008, 209-210.

<sup>65</sup> Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr al-Qurṭubī. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān wa al-Mubayyin li Mā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyi al-Furqān "Sūrat Fuṣṣilat: al-Ayat 16"* ed. 'Abdullāh ibn 'Abd al-Muḥsin al-Turkī. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006, 18/402.

<sup>66</sup> Ṣāliḥ ibn al-Ghanīm al-Sadlān. *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa Mā Tafarra'u 'Anhā: al-'Ādah Muḥakkamah*. Riyad: Dār Blansiyah, 1417 H., 325.

<sup>67</sup> Maksudnya para ulama Melayu ramai juga yang telah menulis tentang kewujudan solat *Rebo Wekasan*. Antaranya Syeikh Ahmad Fathani, Syeikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani, dan Mufti Negeri Sembilan (tahun 1328 H./1910-1964 M.) Haji Ahmad bin Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linqi al-Malayuwi. Lihat: Wan Mohd. Shaghir Abdullah. *Amalam-amalan Islam siri 2: Amalan Bulan Shafar dan Shalawat*, 7-9.

<sup>68</sup> Ustadz Idrus Ramli. "Hakekat Rebo Wekasan (Rabu Terakhir) Safar" (2013). Dicapai pada Jun 31, 2022, <https://santri.net/aqidah-akhlak/ubudiyah/hakekat-rebo-wekasan-rabu-terakhir/>

<sup>69</sup> Mahrus Ali Gpl. "hukum shalat rebo wekasan". Dicapai pada Jun 31, 2022, <http://mahrusaligpl.blogspot.com/2012/05/hukum-shalat-rebo-wekasan.html>

<sup>70</sup> Siti Nurjannah. "Living Hadis: Tradisi Rebo Wekasan di Pondok Pesantren MQHS Al-Kamaliyah Babakan Ciwaringin Cirebon". *Diya al-Afkar* 5, (2017), 220-221.

berkaitan dengan bala yang terjadi pada bulan Safar. Pada tarikh 24 Safar, nabi Muhammad SAW dan Sayyidina Abu Bakar ra bersembunyi di dalam gua *Thūr* ketika mahu hijrah ke Madinah kerana pada masa itu orang-orang kafir Quraisy akan membunuh nabi Muhammad SAW. Begitu juga pada bulan Safar, Sayyidina Hasan cucu Rasulullah SAW menderita sakit selama 40 hari sehingga beliau wafat.<sup>71</sup> Daripada riwayat ini, jelas bahawa bulan Safar sememangnya memiliki gambaran sejarah yang tidak baik daripada dahulu lagi.

### Golongan yang Menolak Solat *Rebo Wekasan*

Di bawah ini ada beberapa dalil daripada pandangan ulama yang menegah pelaksanaan solat *Rebo Wekasan*. Ia adalah pandangan Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī,<sup>72</sup> ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qadīr Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī,<sup>73</sup> Ibn al-Jawzī,<sup>74</sup> al-Imām al-Suyūṭī,<sup>75</sup> Abū Bakr ‘Uthmān ibn Muḥammad Shaṭṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī,<sup>76</sup> al-Shaykh Zayn al-Dīn al-Malībārī al-Shāfi‘ī,<sup>77</sup> KH. Hasyim Asy’ari<sup>78</sup> (Pimpinan Pertama dan Pengasas Pertubuhan Nahdlatul Ulama Indonesia) begitu juga keputusan hukum solat *Rebo Wekasan* oleh Pondok Pesantren Sidogiri Pasuruan Indonesia<sup>79</sup> dan beberapa ahli tafsir dan hadith serta ulama usul fiqh yang akan diperbincangkan selepas ini. Antara dalil-dalil mereka adalah:

#### 1. Hadith

**Daripada Abu Hurairah ra bahawa Rasulullah SAW bersabda: tidak ada penyakit menular, tidak boleh menganggap sial dengan burung (*ṭiyarah*)<sup>80</sup> dan tidak ada kesialan pada bulan Safar, dan tidak ada *hāmah* (penafsiran pertama: penyakit**

<sup>71</sup> Al-‘Ālim al-‘Allāmah al-Zakī Syekh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. *Bada-i ‘uz Zuhur*, 2/56-57.

<sup>72</sup> Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī. *Laṭāif al-Ma‘ārif fī Mā li Mawāsim al-‘Am wa al-Wazāif “Wazāif Shahr Ṣafar”* ed. Yāsīn Muḥammad al-Sawwās. Dimshaq/Beirut: Dār ibn Kathīr, 1999, 148.

<sup>73</sup> ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qadīr Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fī al-Ad‘īyyat al-Latī Tashrah al-Sudūr “Tanbih Aḥādīth Ṣalāt al-Raghāib Mawḍū‘ah”*, 89-90.

<sup>74</sup> Abd Raḥmān ibn ‘Alī Ibn Muḥammad ibn Ja‘far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū‘āt min al-Aḥādīth al-Marfū‘āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn ‘Alī Buya Jilār, 2/428.

<sup>75</sup> ‘Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī. *Al-Laālī al-Maṣnū‘ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū‘ah “Manāqib al-Ayyām wa al-Buldān”*, 1/485.

<sup>76</sup> Abū Bakr ‘Uthmān ibn Muḥammad Shaṭṭā al-Dimyāṭī al-Bakrī. *Hāshiyat l’ānat al-Ṭālibīn “Faṣl fī Ṣalāt al-Nafl”* ed. Muḥammad Sālim Hāshim. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415 H./1995 M., 1/459-460.

<sup>77</sup> Al-Shaykh Zayn al-Dīn al-Malībārī al-Shāfi‘ī. *Faṭḥ al-Mu‘īn bi Sharḥ Qurrat al-‘Ayn bi Muḥimmāt al-Dīn “Bāb al-Ṣalāh”*. India: Markaz Taw‘īyat al-Fiqh al-Islāmī, t.t., 1/54.

<sup>78</sup> Abdurrahman, “Fatwa Kiai Hasyim Tentang Sholat Rebo Wekasan” (2021). Dicapai pada May 27, 2022, <https://www.tebuieng.co/fatwa-kiai-hasyim-tentang-sholat-rebo-wekasan/> dan Azam Najib, “Hukum Tradisi Rebo Wekasan” (2018). Dicapai pada May 27, 2022, <https://www.tambakberas.com/artikel/hukum-tradisi-rebo-wekasan/>

<sup>79</sup> Pondok Pesantren ini sudah berusia lebih daripada 200 tahun di sebuah tempat bernama Desa Sidogiri Kraton Pasuruan Jawa Timur. Pengasasnya adalah Sayyid Sulaiman daripada Cirebon Jawa Barat. Beliau adalah keturunan Rasulullah saw daripada salasilah Basyaiban. Tahun bermulanya Pondok Pesantren Sidogiri ditubuhkan iaitu pada tahun 1718 atau 1745 M. (ada sedikit perbezaan riwayat). Sila layari: “Sejarah”, dicapai 26 Mac 2022, <http://sidogiri.net/sejarah/>

<sup>80</sup> *Ṭiyarah* boleh bermakna pesimis dengan makna lain merasa akan datang musibah atau kecelakaan sehingga dapat menghilangkan perasaan optimis. Sila layari: Almaany. Dicapai pada April 4, 2022, <http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D8%B7%D9%8A%D8%B1%D8%A9/>.



menular; kedua: sejenis burung hantu, di mana orang-orang Arab menganggap adanya burung tersebut sebagai tanda akan adanya kematian). Orang Arab badui berkata: Ada apa dengan unta yang berada di padang pasir bagaikan kijang-kijang yang kuat, lalu ia disatukan dengan unta yang sakit, ternyata unta yang sihat ini menjadi sakit? Rasulullah SAW bersabda: **Siapa yang menularkan pertama kali penyakit tersebut kepada unta tersebut? (Unta tersebut atau Allah Ta'ala?)**".<sup>81</sup>

Hadith ini secara jelas menerangkan bahawa dilarang bagi seorang muslim untuk mempercayai bulan Safar itu adalah bulan yang mengandungi keburukan atau bala bencana yang akan mendatangkan kesialan kerana ianya adalah kepercayaan buruk yang datang daripada orang-orang zaman jahiliyah<sup>82</sup> dan termasuk *ṭiyarah* yang dilarang oleh Islam.<sup>83</sup> Rasulullah SAW bersabda dalam sahih Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah ra:

لَا طَيْرَةَ.....إِلْح<sup>84</sup>

Terjemahan: Tidak ada (kepercayaan yang berbentuk) *ṭiyarah*.

Disebutkan juga dalam riwayat hadith sahih Muslim:

"Abu Hurairah ra berkata: Rasulullah SAW memegang tanganku dan bersabda: Allah 'Azza Wa Jalla menciptakan tanah pada hari Sabtu, menciptakan gunung pada hari Ahad, menciptakan pokok (tumbuhan) pada hari Isnin, menciptakan perkara yang dibenci (keburukan) pada hari Selasa, menciptakan cahaya pada hari Rabu, memperkembang-biakkan haiwan-haiwan pada hari Khamis, menciptakan Adam as selepas Asar hari Jumaat pada akhir ciptaan, di saat akhir hari Jumaat antara Asar sampai malam".<sup>85</sup>

Melalui hadith ini, dapat difahami secara terbalik (مفهوم المخالفة) iaitu bukanlah hari Rabu itu mengandungi keburukan bahkan hari tersebut penuh dengan kebaikan kerana pada hari itu merupakan hari penciptaan cahaya. Malahan hari Selasa yang mengandungi keburukan kerana

<sup>81</sup> Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī al-Ja'fī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī "Bāb: Lā Ṣafara, wa Huwa Dāun Ya'khudhu al-Baṭn"* ed. Muṣṭafā Dīb al-Bighā. Dimshaq/Beirut: Dār ibn Kathīr/al-Yamāmah, t.t., 5/2161 dan 5/2177-2178. Abū al-Ḥusīn Muslim al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim "Kitāb al-Salām: Bāb Lā 'Adwā wa Lā Ṭiyarata wa Lā Hāmata wa Lā Ṣafara wa Lā Naw' wa Lā Ghawla wa Lā Yūridu Mumridun 'alā Musihḥīn"*. Riyad: Dār al-Ṭaybah, 2006, 2/1057.

<sup>82</sup> Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī. *Laṭā'if al-Ma'ārif fī Mā li Mawāsīm al-'Am wa al-Wazā'if "Wazā'if Shahr Ṣafar"* ed. Yāsīn Muḥammad al-Sawwās, 148.

<sup>83</sup> 'Abd al-Ḥamīd Ibn Muḥammad 'Alī ibn 'Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi'ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fī al-Ad'iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr "Tanbīh wa l'Ilām Yadfa'u Kathīran min al-Awhām"*, 119.

<sup>84</sup> Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī al-Ja'fī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī "Kitāb al-Tibb: Bab: al-Fa'l"* ed. Muṣṭafā Dīb al-Bighā, 5/2171.

<sup>85</sup> Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abū al-Ḥusīn Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naisabūrī. *Ṣaḥīḥ Muslim "Kitāb Ṣifāt al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār: Bāb Ibtidā' al-Khalq wa Khalq Ādam 'Alaih al-Salām"*. Riyad: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1998, 1122. 'Abd Raḥmān ibn 'Alī Ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār, 347.

pada hari itu Allah swt menciptakan keburukan. Daripada ini sepatutnya bukan hari Rabu yang dinilai buruk tapi hari Selasa yang lebih sesuai.

Begitu riwayat hadith yang mana Rasulullah SAW berdoa untuk kekalahan ke atas al-Ahzab (orang-orang kafir) dan Allah swt mengabulkannya pada hari Rabu. Hal ini menunjukkan bahawa hari Rabu bukan hari yang buruk bahkan hari yang baik dan hari yang mendatangkan kegembiraan.

“Daripada Jabir RA bahawasanya Rasulullah SAW berdoa untuk (kekalahan dan kehancuran) *al-Ahzāb* pada hari Isnin dan pada hari Selasa dan kemudian pada hari Rabu, maka doa tersebut dikabulkan oleh Allah SWT pada hari Rabu antara waktu zuhur dan asar.<sup>86</sup> Jabir ra berkata: maka tidak ada sesuatu perkara penting yang berat yang menimpa saya kecuali memilih waktu tersebut (mengikuti Rasulullah SAW) kemudian saya berdoa pada waktu itu dan saya dapati doa itu terkabul, atau sepertimana yang telah dikatakan oleh sayyidina Jabir RA”.<sup>87</sup>

Seterusnya riwayat hadith Qudsi yang melarang untuk mencela waktu atau masa, antaranya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يُؤْذِينِي ابْنُ آدَمَ، يَسُبُّ  
الدَّهْرَ ، وَأَ الدَّهْرُ بِيَدَيِ الْأَمْرِ لُقْلُبُ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ .

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Allah ‘Azza Wa Jalla berfirman: Anak Adam menyakitiku kerana dia mencela atau menghina masa, padahal Aku pencipta masa tersebut, dalam genggamanku segala perkara, Aku yang mengubah malam dan siang.<sup>88</sup>

Riwayat hadith ini dikuatkan dengan tafsir surah *al-‘Asr*. Dalam tafsir surah ini dijelaskan bahawa ketikamana Allah bersumpah dengan masa maka sesungguhnya masa itu adalah sesuatu yang agung dan mulia serta penuh dengan pengajaran dan keajaiban di dalamnya sepertimana disebutkan dalam kitab tafsir *al-Khāzin*.<sup>89</sup> Oleh itu, dilarang bagi sesiapa sahaja

<sup>86</sup> ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī. *Kanz al-Najāḥ wa al-Surūr fi al-Ad‘iyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr “Tanbīh wa l’lām Yadfa’u Kathīran min al-Awhām”*, 122.

<sup>87</sup> Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī. *Laṭāif al-Ma‘ārif fi Mā li Mawāsīm al-‘Am wa al-Wazāif “Wazīfat Shahr Ṣafar”* ed. Yāsīn Muḥammad al-Sawwās, 148. Muḥammad ‘Abd al-Raūf al-Munāwī. *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ma‘rifat, 1972, 1/46.

<sup>88</sup> Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Ismā‘il al-Bukhārī al-Ja‘fi. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī “Kitāb al-Tafsīr: Bāb: Wa Mā Yuhlikunā Illa al-Dahr (al-Jāthiyah: 24)”* ed. Muṣṭafā Dīb al-Bighā, 4/1825-1826 dan *“Kitāb al-Tawḥīd: Bāb: Qawillāh Ta‘ālā: Yurīdūna an Yubaddilū Kalāmallāh (al-Faḥḥ: 15), 6/2722.*

<sup>89</sup> ‘Alāu al-Dīn ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Baghdādī al-Shahīr bi Al-Khāzin, *Tafsīr al-Khāzin al-Musammā Lubāb al-Ta‘wīl wa Ma‘ānī al-Tanzīl: Sūrah al-‘Asr*, ed. ‘Abd al-Salām Muḥammad ‘Alī Shahīn, Beirut: Dār al-Kutub, 2004, 4/467.

untuk mencela masa dengan meyakini masa ini baik kemudiannya yang lain buruk sebab keyakinan tersebut merupakan kepercayaan kaum Jahiliyah.<sup>90</sup>

## 2. Pendapat Fuqaha

### a. Kitab *Kanz al-Najāh wa al-Surūr*:

تَنْبِيْهُ : قَالَ الْعَلَّامَةُ الشَّيْخُ زَيْنُ الدِّينِ تَلْمِيْذُ ابْنِ حَجْرٍ الْمَكِّيِّ فِي كِتَابِهِ [إِرْشَادِ الْعِبَادِ] كَعْبِرِهِ مِنْ عُلَمَاءِ الْمَذْهَبِ : وَ مِنْ الْبِدَعِ الْمَذْمُومَةِ الَّتِي سُبِّحَ فَاعِلُهَا وَ يَجِبُ عَلَى وَّلَاةِ الْأَمْرِ مَنَعُ فَاعِلِهَا صَلَاةَ الرَّعَائِبِ؛ لِنَتْنَا عَشْرَةَ رُكْعَةً بَيْنَ الْعِشَاءَيْنِ لَيْلَةَ أَوَّلِ جُمُعَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَ صَلَاةَ لَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ (مِائَةَ رُكْعَةٍ)، وَ صَلَاةَ آخِرِ جُمُعَةٍ مِنْ رَمَضَانَ (سَبْعَ عَشْرَةَ رُكْعَةً)، بَيْنَهُ فَضَاءِ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ الَّتِي لَمْ يُفْضِهَا، وَ صَلَاةِ يَوْمِ عَاشُورَاءَ رُكْعَتَيْنِ أَوْ أَرْبَعَ رُكْعَاتٍ أَوْ أَكْثَرَ، وَ صَلَاةَ الْأُسْبُوعِ.<sup>91</sup> أَمَّا أَحْلَاهُهَا فَمَوْضُوعَةٌ طَلَّةٌ؛ وَ لَا تَعْتَرِزُ بِمَنْ ذَكَرَهَا.<sup>92</sup> لِهـ. (وَ مَنْ ذَكَرَهَا الْعَزَلِيُّ فِي الْإِحْيَاءِ).<sup>93</sup>

<sup>90</sup> Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA). *Tafsir al-Azhar "Surah al-'Ashr (masa)"*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1998, 30/8101. Lajnat min al-'Ulāmā' bi Ishrāf Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah bi al-Azhar. *Al-Tafsir al-Wasīṭ li al-Qurān al-Karīm "Sūrah al-'Asr"*. t.tp.: Matba'at al-Muṣḥaf al-Sharīf, 1992, 2011.

<sup>91</sup> Mengenai صَلَوَاتِ الْأُسْبُوعِ atau solat sunat yang ada dalam satu minggu, Ibn al-Jawzī mengatakan bahawa solat tersebut tidak mempunyai asal usul yang mana solat-solat tersebut disebutkan dalam kitab *Qūt al-Qulūb* kemudian diikuti oleh Imam Ghazali dalam kitab *Ihyā'* beliau. Lihat: Abd Raḥmān ibn 'Alī Ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār, 2/428. Al-Shaykh Ismā'il ibn Muḥammad al-'Ajlūnī al-Jaraḥī. *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsinat al-Nās*. t.tp.: Maktabat al-Qudsi, 1351 H., 2/410. Abū al-Maḥāsīn Muḥammad ibn al-Khalīl al-Qawīqjī. *Al-Lu'lu' al-Marṣū' fī Mā lā Aṣla Lahū aw bi Aṣliḥi Mawḍū' "Ḥarf al-Ṣād"*. Mesir: al-Matba'ah al-Baruniyyah, t.t., 47. Nūr al-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Sulṭān al-Mashhūr bi al-Mullā 'Alī al-Qārī. *Al-Maṣnū' fī Ma'rifat al-Ḥadīth al-Mawḍū' "Kalimāt li al-Aimmah Hawla Ba'di al-Akḥbār al-Mawḍū'ah"* ed. 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1994, 259. Abū Ishāq al-Ḥuwaynī al-Atharī. *Junnat al-Murtāb bi Naqd al-Mughnī 'an al-Hifẓ wa al-Kitāb*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1994, 2/297. Nūr al-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Sulṭān al-Mashhūr bi al-Mullā 'Alī al-Qārī. *Al-Asrār al-Marfū'ah fī al-Akḥbār al-Mawḍū'ah al-Ma'rūf bi al-Mawḍū'āt al-Kubrā* ed. Muḥammad ibn Luṭfī al-Ṣabbāgh. Beirut/Damshiq: al-Maktab al-Islāmī, 1987, 438. Al-Fawā'id al-Majmū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah "al-Naw'u al-Sābi' Ṣalāt Muqayyadah bi Ayyam al-Usbū' wa Layālīḥi" ed. 'Abd al-Raḥmān ibn Yaḥyā al-Mu'allimī al-Yamanī, 46. Muḥammad Ṭāhir ibn 'Alī al-Hindī al-Fattānī. *Tadhkirat al-Mawḍū'āt: Bāb al-Taṭawwu' al-Thānī fī Ṣalāt al-'Usbū'*. Mesir: Idārat al-Ṭibā'ah al-Muniriyyah, 1343 H., 41-43.

<sup>92</sup> Al-Shaykh Zayn al-Dīn al-Malībārī al-Shāfi'ī. *Faṭḥ al-Mu'īn bi Sharḥ Qurrat al-'Ayn bi Muhimmāt al-Dīn "Bāb al-Ṣalāh"*, 1/54. Al-Shaykh Zayn al-Dīn ibn 'Abd al-'Azīz al-Malībārī. *Irshād al-'Ibād ilā Sabīl al-Rashād "Bāb Ṣalāt al-Taṭawwu'"*. Surabaya: al-Hidāyah, t.t., 24.

<sup>93</sup> Abū Bakr 'Uthmān ibn Muḥammad Shaṭṭā al-Dimyaṭī al-Bakrī. *Hāshiyat l'ānat al-Ṭālibīn "Faṣl fī Ṣalāt al-Nafl"* ed. Muḥammad Sālim Hāshim, 1/459-460.

قُلْتُ: وَ مِثْلُهُ صَلَاةٌ صَفَرٌ، فَمَنْ أَرَادَ الصَّلَاةَ فِي وَفْتٍ مِنْ هَذِهِ الْأَوْقَاتِ فَلْيَنْوِ لِلتَّقَلُّ الْمَطْلُوقِ  
فُرَادَى مِنْ غَيْرِ عَدَدٍ مُعَيَّنٍ، وَ هُوَ مَا لَا يَتَعَيَّدُ بِوَقْتٍ وَ لَا سَبَبٍ، وَ لَا حَصْرَ لَهُ، وَ لِلَّهِ  
التَّوْفِيقُ.<sup>94</sup>

Terjemahan: Perhatian: al-'Allāmah al-Shaykh Zayn al-Dīn murid kepada Ibn al-Hajar al-Makkī berkata dalam kitabnya [*Irshād al-'Ibād*] begitu juga ulama-ulama selain beliau daripada mazhab Syafī'i: dan termasuk daripada *bid'ah* yang tercela yang akan berdosa pelakunya dan wajib bagi pemimpin rakyat (*amirul mukminin*) untuk menegahnya adalah solat *Raghāib* iaitu solat sebanyak 12 rakaat yang dilakukan antara Maghrib dan Isyak pada malam Jumaat pertama bulan Rejab, solat malam nisfu Sya'ban sebanyak 100 rakaat, solat pada akhir Jumaat bulan Ramadan sebanyak 17 rakaat dengan niat menggantikan solat fardu yang belum diqada', solat '*Asyūrā*' sama ada dua rakaat atau 4 rakaat atau pun lebih daripada itu dan solat '*Usbū*' (seminggu). Kerana hadith-hadithnya semuanya *mawḍū'* dan batil. Maka jangan tertipu dengan orang (ulama) yang menyebutkan solat-solat tersebut di dalam kitabnya. Dan antara ulama yang menyebutkan perkara ini adalah al-Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihyā'*nya. [*Radd* (penolakan) kepada al-Imam al-Ghazali].

Bagi pandangan saya<sup>95</sup>: termasuk di dalam golongan solat-solat tersebut di atas adalah solat sunat pada bulan Safar [di Indonesia dikenali dengan *Rebo Wekasan*]. Maka sesiapa sahaja yang mahu melaksanakan solat sunat pada sesetengah waktu pada bulan ini, maka solatlah dengan niat solat sunat mutlak secara persendirian tanpa berjemaah tanpa berhubungkait dengan waktu dan asbab tertentu dengan tanpa membatasi banyaknya solat tersebut dilakukan. Semoga Allah selalu memberikan taufikNya.

- b. Fatwa KH. Hasyim Asy'ari (Pimpinan Awal Pertubuhan Nahdlatul Ulama (NU) Indonesia) ketika mana beliau ditanya tentang hukum solat *Rebo Wekasan* dan solat *Hadiyah*:

"Tidak benar fatwa tentang mengajak dan melakukan solat *Rebo Wekasan* dan solat *Hadiyah* sepertimana tersebut dalam pertanyaan. Oleh kerana kedua-dua solat tersebut bukanlah ibadah yang disyariatkan dan tidak ada asasnya di dalam syariat. Buktinya, kedua solat ini tidak disebutkan dalam mana-mana kitab yang muktamad seperti *Taqrīb*, *al-Minhāj al-Qawīm*, *Fatḥ al-Mu'īn*, *al-Taḥrīr*, *al-Nihāyah*, *al-Muhadhdhab* dan *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Semua kitab itu tidak ada yang menyebutkan tentang kedua solat tersebut.

Sekiranya kedua solat ini memiliki asas dalam syariat, sudah semestinya para *ulama* membahaskannya berserta keutamaannya. Sangat tidak logik jika perkara ini merupakan sunnah, sementara ulama tidak menyebutkannya, padahal mereka adalah ikutan orang-orang mukmin yang lebih mengetahui tentang perkara agama.

<sup>94</sup> 'Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad 'Alī ibn 'Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi'ī. *Kanz al-Najāḥ wa al-Surūr fi al-Ad'iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr* "Tanbīh Aḥādīth Ṣalāt al-Raghāib Mawḍū'ah", 89-90.

<sup>95</sup> Maksudnya adalah pandangan pengarang kitab *Kanz al-Najāḥ wa al-Surūr fi al-Ad'iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr*.

Tidak dibenarkan memberi fatwa mahupun mengambil hukum daripada kitab *Mujarrabāt* dan kitab *Nuzhat al-Majālis*. Imam al-Ḥamdī menyatakan dalam kitab *Hawāshī al-Ashbāh*: Tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa berdasar kepada kitab yang tidak *muktabarah*. Sementara al-Imam ‘Ali al-Qari juga menyebutkan dalam *Tadhkirat al-Mawḍū‘āt* bahawa tidak dibenarkan merujuk kepada hadith-hadith dan permasalahan fiqhiyah serta tafsir al-Qur’an kecuali daripada kitab-kitab yang masyhur kerana dikhawatirkan akan berlaku pendustaan oleh golongan *zindik* dan para pemesong (penyeleweng). Perkara ini tentunya berbeza ketika kita mengambil maklumat daripada kitab yang boleh dipercayai. Begitu juga dinyatakan dalam kitab *Tanqīḥ al-Fatwā al-Ḥamīdiyyah* bahawa tidak dibenarkan mengeluarkan fatwa dengan berdasar hanya kepada kitab-kitab yang tidak masyhur.

Pada Kiai Hasyim Asyari, mengambil maklumat daripada kitab *al-Mujarrabāt al-Dayrabiyyah* dan *Ḥāshiyah al-Sittīn* bagi menyokong kedudukan dua solat tersebut adalah tindakan bercanggah dengan kitab-kitab fiqh. Oleh itu, tidak dibenarkan berfatwa dengannya. Lagi pun hadith yang disebutkan dalam kitab *Hashiyah al-Sittin* adalah hadith yang berstatus *mawḍū‘*. Dalam kitab *al-Qaṣṭalānī ‘Ala al-Bukhārī* dijelaskan bahawa hadith direka-reka adalah hadith *mawḍū‘*. Hukum meriwayatkan dan mengamalkannya adalah haram secara mutlak.<sup>96</sup>

- c. Kitab *al-Athār al-Marfū‘ah fi al-Akhhbār al-Mawḍū‘ah* karya ‘Abd al-Ḥayy ibn Muḥammad ‘Abd al-Ḥalīm al-Laknawī,<sup>97</sup> turut memperbincangkan jenis solat yang tidak masyhur antaranya *Rebo Wekasan*,<sup>98</sup> solat *Birr al-Wālidayn* (hanya sahaja dalam kitab ini diberi nama lain iaitu solat *Ada’i Huquq al-Walidayn*), solat *Hifz al-Īmān*, solat ‘*Āsyura*’, solat *Laylat al-Qadr* dan masih banyak lagi yang lainnya seperti solat *al-‘Iṣmah*, solat *Qahr al-Nafs*, solat *Yawm al-Nahr*, solat *al-Isti‘ādah*. Ada golongan yang menolak dan solat itu dianggap solat *bid‘ah* yang sesat kerana solat-solat tersebut berdasarkan pada dalil yang datang daripada golongan sufi dan bukan datang daripada Rasulullah SAW. Ada pula golongan yang menyokong dan membolehkan solat-solat tersebut. Namun kesimpulan daripada perbincangan tersebut adalah semua solat itu dikategorikan amalan yang mungkar dan perlu ditinggalkan.<sup>99</sup>

### **Munāqashah<sup>100</sup>**

Dalam perbincangan ini, akan dilakukan analisis terhadap dalil-dalil yang digunapakai oleh golongan yang menyokong pengamalan solat *Rebo Wekasan* sepertimana berikut ini:

<sup>96</sup> Abdurrahman, “Fatwa Kiai Hasyim Tentang Sholat Rebo Wekasan” (2021). Dicapai pada May 27, 2022, <https://www.tebuieng.co/fatwa-kiai-hasyim-tentang-sholat-rebo-wekasan/> dan Azam Najib, “Hukum Tradisi Rebo Wekasan” (2018). Dicapai pada May 27, 2022, <https://www.tambakberas.com/artikel/hukum-tradisi-rebo-wekasan/>

<sup>97</sup> Kitab ini bukan kitab fiqh secara khusus, namun ianya adalah kitab hadith. Hanya sahaja pengkaji merujuk kepada kitab ini untuk mengambil pandangan pengarangnya. Meskipun bukan kitab ini bukan kitab fiqh tapi ianya juga membicarakan tentang hukum-hukum ibadah sepertimana dalam kitab fiqh. Lihat: ‘Abd al-Ḥayy ibn Muḥammad ‘Abd al-Ḥalīm al-Laknawī. *Al-Athār al-Marfū‘ah fi al-Akhhbār al-Mawḍū‘ah* ed. Abū Ḥajir Muḥammad al-Sa‘īd ibn Basyūni Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1984, 117-123.

<sup>98</sup> *Ibid*, 111.

<sup>99</sup> *Ibid*, 103-123.

<sup>100</sup> Makna *munāqashah* adalah diskusi, perdebatan, pembicaraan. Sila layari: “مناقشة”, accessed 25, 2022, <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/مناقشة/>

a. Ilham

Dalam penggunaan ilham sebagai hujah, terdapat tiga pandangan ulama terhadap perkara tersebut.

1. Golongan yang membolehkan ilham sebagai hujah secara mutlak. Kebanyakannya yang berpandangan seperti ini adalah daripada golongan ulama sufi meskipun tidak semua ulama sufi termasuk di dalamnya.
2. Golongan yang tidak membolehkan ianya sebagai hujah secara mutlak.
3. Golongan pertengahan di antara kedua pandangan di atas iaitu jika ilham tidak menyalahi nas al-Quran dan hadith maka ianya boleh digunakan sebagai hujah dan jika sebaliknya maka tidak boleh menggunakannya sebagai hujah.

Al-Shaykh Yusuf al-Qaradawi dalam kitabnya *Mawqif al-Islām min al-Ilhām wa al-Kashf wa al-Ruā wa min al-Tamāim wa al-Kahānah wa al-Ruqā* memberikan kesimpulan bahawa pandangan golongan yang ketiga yang dapat diambil kira sebagai panduan dalam menilai ilham itu sendiri. Kerana ianya adalah pandangan *wasatīyyah* (pertengahan) di antara dua pandangan yang lain.<sup>101</sup>

Oleh itu, jika pandangan al-Shaykh Ibn Taymiyah tentang keramat para wali (seperti ilham riwayat ahli kasyaf) digunakan sebagai hujah untuk mengamalkan solat *Rebo Wekasan*, maka itu sudah keliru. Sebab maksud sebenar daripada pandangan al-Shaykh Ibn Taymiyah tentang ilham itu, ialah ilham yang tidak bercanggah dengan nas al-Quran dan al-Sunnah. Oleh itu, dakwaan golongan tersebut terbatal dengan sendirinya.<sup>102</sup>

b. Hadith Tentang Nahasnya Hari Rabu atau Hari Rabu Terakhir Pada Setiap Bulan

Sebagaimana dijelaskan dalam sumber/autoriti, ada tiga hadith yang dihubungkan dengan solat *Rebo Wekasan*. Namun, status ketiga-tiganya masuk dalam kategori hadith-hadith bermasalah sehingga tidak digunakan sebagai hujah.

1. Hadith Pertama:

يَوْمُ الْأَرْبَعَاءِ فِي الشَّهْرِ يَوْمٌ نَحْسٌ مُسْتَمِرٌّ

<sup>101</sup> Sila rujuk: Yūsuf al-Qaradāwī. *Mawqif al-Islām min al-Ilhām wa al-Kashf wa al-Ruā wa min al-Tamāim wa al-Kahānah wa al-Ruqā* "Mawqif al-'Ulamā' min al-Ilhām". Kaherah: Maktabat Wahbah, 1994, 20-28. Kesimpulan al-Shaykh Yusuf al-Qaradawi terhadap permasalahan ilham dapat dilihat dalam kitab ini muka surat 20 dan 66). Dalam kitab *al-'Itisām* dijelaskan bahawa *mukāshafah* itu tidak boleh dijadikan hukum syar'i. lihat: Ibrāhim ibn Mūsā ibn Muḥammad al-Lakhmī al-Shātibī. *Al-'Itisām 'Aḥādīth al-Targhīb wa Nahwīhī*" ed. Abū 'Ubaidah Mashhūr ibn Ḥasan Ali Salmān. t.t.p.: Maktabat al-Tawḥīd, t.t., 1/356.

<sup>102</sup> Sila rujuk: Aḥmad ibn Taymiyah, *Majmū' Fatāwā Ibn Taymiyah "Faṣl: Wa Laysa min Sharṭ Waliyyillāh an Yakūna Ma'ṣūman la Yaghliṭ wa la Yukhti"*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Mujaḥma' al-Malik Fahd li Ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf, 2004, 11/207-208. Al-Imām al-'Allāmah Taqīyy al-Dīn ibn Taymiyah, *Majmū'ah al-Rasāil wa al-Masāil "Sharṭ al-Īmān wa al-Wilāyah Ḥusn al-Khātimah"*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992, 1/52-53. Shaykh al-Islām Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalīm ibn Taymiyah, *al-Furqān bayna Awliyā' al-Raḥmān wa Awliyā' al-Shayṭān "al-Faṣl al-Ḥādī 'Ashar: Istimrār al-Nubuwwah 'inda Ahl Wiḥdat al-Wujūd"* ed. Dr. 'Abd al-Raḥmān ibn 'Abd al-Karīm al-Yaḥyā. Riyad: Maktabat Dār al-Minhāj, 1428 H., 160-161.

Hadith ini ada yang menilainya sebagai hadith *matrūk*<sup>103</sup> sepertimana yang telah dikatakan oleh al-Dhahabī.<sup>104</sup> dan Abū Ḥātim al-Rāzī.<sup>105</sup> Ibnu Hajar pula mengatakan dalam kitab *al-Lisān*<sup>106</sup> yang mengatakan ianya adalah hadith *munkar*.<sup>107</sup>

2. Hadith kedua:

يَوْمُ الْأَرْبَعَاءِ يَوْمٌ نَحْسٌ مُسْتَمِرٌّ

Hadith ini ada yang menilainya sebagai hadith daif<sup>108</sup> dan daif *jiddan (wāhiyah)*.<sup>109</sup> Ada juga yang menilainya sebagai hadith *matrūk*,<sup>110</sup> *munkar*<sup>111</sup> dan *mawḍū'*<sup>112</sup> (palsu).<sup>113</sup>

3. Hadith ketiga:

لَا يُبَدَأُ جَدَامٌ وَلَا يَبْرَصُ الْيَوْمَ الْأَرْبَعَاءِ

Hadith ini dinilai sebagai hadith *mawḍū'*.<sup>114</sup>

<sup>103</sup> Hadith *Matrūk* adalah hadith yang di dalam sanadnya ada perawi yang dituduh pendusta. Sila rujuk: Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth "al-Matrūk"*. Iskandariyah: Markaz al-Hudā li al-Dirāsāt, 1415 H., 73.

<sup>104</sup> Abd Raḥmān ibn 'Alī Ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār, 2/345. Al-Imām Muḥammad ibn Aḥmad 'Uthmān ibn Qaymaz al-Dhahabī, *Tartīb al-Mawḍū'āt "Dhikr al-Ayyām"* ed. Kamāl ibn Basyūnī Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994, 146.

<sup>105</sup> Abd Raḥmān ibn 'Alī Ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār, 2/347. 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī. *Al-Laālī al-Maṣnū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah "Manāqib al-Ayyām wa al-Buldān"*, 1/485. Al-Shaykh Ismā'il ibn Muḥammad al-'Ajlūnī al-Jarahī. *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsinat al-Nās*, 1/12.

<sup>106</sup> Abd Raḥmān ibn 'Alī Ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār, 2/345.

<sup>107</sup> Hadith *Munkar* adalah hadith yang di dalam sanadnya ada perawi yang sangat buruk kesalahannya, atau terlalu lalai atau tampak dengan jelas kefasikannya. Sila rujuk: Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth "al-Munkar"*, 74.

<sup>108</sup> Hadith daif adalah hadith yang tidak terkumpul di dalamnya ciri-ciri hadith hasan sebab ada beberapa syarat yang hilang. (Misalnya perawi hadithnya sangat lemah atau dia fasiq atau dicurigai pendusta atau juga dia sememangnya terkenal pendusta.) Lihat: Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth "al-Faṣl al-Thālīth: al-Khabar al-Mardūd: al-Mabḥath al-Awwal: al-Ḥadīth al-Ḍa'īf"*, 51.

<sup>109</sup> Lihat: Al-Shaykh Ismā'il ibn Muḥammad al-'Ajlūnī al-Jarahī. *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsinat al-Nās*, 2/397. Lihat juga: Abū al-Khayr Muḥammad ibn 'Abd Raḥmān al-Sakhāwī. *Al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahirah 'alā al-Alsinat "al-Yāu al-Akhīrah"* ed. 'Abdullāh Muḥammad al-Ṣiddīq. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979, 479-480.

<sup>110</sup> 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī. *Al-Laālī al-Maṣnū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah "Manāqib al-Ayyām wa al-Buldān"*, 1/485.

<sup>111</sup> Abū Aḥmad 'Abdullāh ibn 'Udayy al-Jurjānī. *Al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl "Ibrāhīm ibn Abī Ḥayyah"*, ed. 'Adil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ dan 'Abd al-Fattāḥ Abū Sunnah. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t., 1/389.

<sup>112</sup> Hadith *Mawḍū'* adalah kebohongan yang dibuat-buat dan disandarkan kepada Rasulullah saw. Sila rujuk: Maḥmūd al-Ṭaḥḥān, *Taysīr Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth "al-Mawḍū'"*, 70.

<sup>113</sup> Abd Raḥmān ibn 'Alī Ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār, 2/346.

<sup>114</sup> *Ibid*, 2/347.



Jika diperhatikan, tiga hadith ini tidak ada satu lafaz pun di dalamnya yang menyebutkan bulan Safar dan bercanggah dengan hadith sahih yang menjelaskan bahawa setiap muslim ditegah mencaci maki atau merasa buruk terhadap masa atau pun hari-hari tertentu (*tashā'um* atau *ṭiyarah*).<sup>115</sup> Justeru ada riwayat hadith sahih yang memuji kewujudan hari Rabu.<sup>116</sup> Ada yang berpandangan boleh beramal dengan hadith daif, sebab sebahagian ulama ada yang menilai hadith kedua merupakan hadith daif. Maka boleh dijawab bahawa dalam permasalahan iktikad atau keyakinan tidak boleh berhujah dengan hadith daif kecuali dalam *fada'il al-a'mal*. Itupun jika hadith daif tersebut tidak bercanggah dengan hadith sahih.<sup>117</sup>

Oleh itu, merasa pesimis terhadap salah satu hari atau bulan atau pun waktu secara umum adalah dilarang oleh Rasulullah SAW. Bahkan keyakinan sebegini amat dilarang dan dihukumi sangat haram sepertimana dikatakan oleh Imam al-Munāwī:

“Sesungguhnya merasa takut kepada hari Rabu dan selainnya yang didasari perasaan pesimis dan sangkaan keyakinan ahli nujum maka hukumnya sangat haram. Oleh itu, semua hari adalah milik Allah, tidak dapat memberi manfaat dan bahaya dengan sendirinya, maka tidak ada bahaya sama sekali pada hari Rabu tersebut. Seterusnya jika orang yang merasa pesimis terhadap hari Rabu, maka kenahasannya akan mengenai orang itu. Manakala orang yang menyakini bahawa hari Rabu tidak dapat mendatangkan bahaya dan manfaat kecuali Allah 'Azza Wa Jalla, maka hari Rabu tidak akan memberikan pengaruh apa-apa kepadanya.”<sup>118</sup>

c. Ayat al-Quran yang digunakan untuk menguatkan kenahasannya hari Rabu atau Rabu terakhir Penafsiran yang dihubungkan dengan hari Rabu atau Rabu terakhir adalah penafsiran yang tidak berpaksikan kepada dalil yang kuat. Ianya adalah tafsiran yang sangat lemah dengan dakwaan bahawa hari nahas (azab) ke atas orang kafir iaitu pada hari Rabu kepada hari Rabu berikutnya. Mereka menggunakan dalil hadith yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas RA:

مَا عُدِّبَ قَوْمٌ إِلَّا فِي يَوْمِ الْأَرْبَعَاءِ<sup>119</sup>

Tapi hadith ini tidak didapati asal-usulnya dan sangat pelik sebab hari Rabu tersebut bukan pada bulan Safar tapi pada bulan Syawal. Bahkan syariat Islam menafikan iktikad terhadap

<sup>115</sup> Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Ismā'il al-Bukhārī al-Ja'fī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī "Bāb: Lā Ṣafara, wa Huwa Dāun Ya'khudhu al-Baṭn"* ed. Muṣṭafā Dīb al-Bighā, 5/2161 dan 5/2177-2178. Abū al-Ḥusīn Muslim al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim "Kitāb al-Salām: Bāb Lā 'Adwā wa Lā Ṭiyarata wa Lā Hāmata wa Lā Ṣafara wa Lā Naw' wa Lā Ghawla wa Lā Yūridu Mumridun 'alā Musihhin"*, 2/1057.

<sup>116</sup> Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī. *Laṭā'if al-Ma'ārif fī Mā li Mawāsīm al-'Am wa al-Wazā'if "Wazā'if Shahr Ṣafar"* ed. Yāsīn Muḥammad al-Sawwās, 148. Muḥammad 'Abd al-Raūf al-Munāwī. *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, 1/46.

<sup>117</sup> 'Abd Al-Karīm ibn 'Abdillāh al-Khuḍayr. *Al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Ihtijāj Bihī "Ḥukm al-Ihtijāj bi al-Ḥadīth al-Ḍa'īf fī al-Faḍā'il wa al-Aḥkām"*. Riyad: Dar al-Muslim, 1997, 275-276.

<sup>118</sup> Muḥammad 'Abd al-Raūf al-Munāwī. *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, 1/46. Al-Shaykh Ismā'il ibn Muḥammad al-'Ajlūnī al-Jaraḥī. *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsinat al-Nās*, 1/13-14. 'Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad 'Alī ibn 'Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi'ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fī al-Ad'iyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr "Tanbīh wa l'Ilām Yadfa'u Kathīran min al-Awhām"*, 124.

<sup>119</sup> Abū 'Abdillāh Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr al-Qurṭubī. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān wa al-Mubayyin li Mā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyi al-Furqān "Sūrat Fuṣṣilat: al-Ayat 16"* ed. 'Abdullāh ibn 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, 18/402.

nahasnya bulan Syawal sebagaimana hadith daripada Sayyidatuna Aisyah ra bahawa Rasulullah SAW menikahi beliau pada bulan Syawal begitu juga Sayyidatuna Ummu Salamah ra.<sup>120</sup> Justeru, hari pernikahan Sayyidatuna Aisyah ra adalah hari Rabu. Beliau berkata: hari yang paling aku suka adalah hari Rabu. Pada hari itulah, semua perjalananku (musafir) dimulai, pada hari itulah saya menikah dan saya dikhitan.<sup>121</sup> Sebenarnya ada sebahagian ahli tafsir yang menghubungkan dengan solat ini dengan membuat hadith palsu kemudian disandarkan langsung kepada Rasulullah SAW dan menggabungkannya dengan ayat al-Quran.<sup>122</sup> Namun majoriti daripada kalangan ahli tafsir ketikamana mentafsirkan surah al-‘Asr, mereka menerangkan keagungan masa maka tidak boleh bagi sesiapa pun mencela atau mencaci maki atau pun merasa buruk dengan masa-masa tertentu.

d. Penggunaan kaedah fiqhiyah (الْعَادَةُ مُحْكَمَةٌ) dalam hal ini adalah tidak tepat

Pengiktirafan kebiasaan atau adat yang dimaksudkan dalam Islam adalah kebiasaan yang tidak bertentangan dengan al-Quran atau hadith seperti kebiasaan haid yang dialami oleh kaum perempuan. Oleh itu, bercanggah dengan nas atau ajaran Islam maka kebiasaan tersebut ditolak.

e. Melihat sejarah/peristiwa buruk pada masa dahulu yang terjadi pada bulan Safar, merupakan cara pandang yang keliru

Dikeranakan adanya beberapa peristiwa buruk yang terjadi di bulan Safar, maka selalu dianggap sebagai bulan yang memunculkan keburukan. Kerana, jika dilihat hari dan bulan kewafatan Rasulullah SAW adalah hari Isnin bulan Rabi’ul Awwal.<sup>123</sup> Ini adalah musibah paling ke atas umat Islam bahkan bagi alam raya ini. Seterusnya kekalahan perang Uhud terjadi pada bulan Syawal tahun ketiga Hijriyah.<sup>124</sup> Ini merupakan anggapan yang keliru. Baik atau buruk itu tergantung pada perbuatan seseorang. Kalau dia taat pada hari itu maka hari itu baik baginya tapi sebaliknya apabila dia bermaksiat pada hari itu maka itu buruk baginya. Hal ini disebutkan dalam kitab *Laṭāif al-Ma’ārif fī Mā li Mawāsīm al-‘Am wa al-Wazāif*.<sup>125</sup>

Daripada huraian ini, dapat disimpulkan bahawa pandangan golongan yang melarang pengamalan solat *Rebo Wekasan* lebih kuat dalilnya dan layak dijadikan hujah. Manakala dalil-dalil golongan yang menyokong sangat lemah bahkan melibatkan hadith palsu.

<sup>120</sup> ‘Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad ‘Alī ibn ‘Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi‘ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fī al-Ad‘īyyat al-Latī Tashrah al-Suḍūr “Tanbīh wa l’lām Yadfa’u Kathīran min al-Awhām”*, 115-116.

<sup>121</sup> Al-Shaykh Ismā‘il ibn Muḥammad al-‘Ajlūnī al-Jarāhī. *Kashf al-Khafā’ wa Muzīl al-Ilbās ‘ammā Ishtahara min al-Aḥādīth ‘alā Alsinat al-Nās*, 2/397. Nūr al-Dīn ‘Alī ibn Muḥammad ibn Sulṭān al-Mashhūr bi al-Mullā ‘Alī al-Qārī. *Al-Asrār al-Marfū‘ah fī al-Akhhār al-Mawḍū‘ah al-Ma’rūf bi al-Mawḍū‘āt al-Kubrā* ed. Muḥammad ibn Luṭfī al-Ṣabbāgh, 379.

<sup>122</sup> Abd Raḥmān ibn ‘Alī Ibn Muḥammad ibn Ja‘far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū‘āt min al-Aḥādīth al-Marfū‘āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn ‘Alī Buya Jilār, 2/347.

<sup>123</sup> Abū al-Fidā’ Ismā‘īl ibn Kathīr. *Al-Fuṣūl fī Sirah al-Rasūl Ṣallallāh ‘Alayh Wa Sallam “Faṣl Wafātuh Ṣallallāh ‘Alayh Wa Sallam”*, ed. Muḥammad al-‘Id al-Khaṭrawī wa Muḥyi al-Dīn Mastū. Damshiq: Muassasat ‘Ulūm al-Qurān/al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabat Dār al-Turāth, 1402-1403 H., 219-220.

<sup>124</sup> *Ibid*, 144.

<sup>125</sup> Abū al-Faraj ‘Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī. *Laṭāif al-Ma’ārif fī Mā li Mawāsīm al-‘Am wa al-Wazāif “Wazāif Shahr Ṣafar”* ed. Yāsīn Muḥammad al-Sawwās, 1/46. ‘Abdullāh ibn ‘Abd al-‘Azīz Ibn Aḥmad al-Tawayjirī, *al-Bida’ al-Ḥawliyyah*, (Riyad: Dār al-Faḍīlat, 2000), 128.

## Kesimpulan

Setelah melalui perbincangan antara hujah yang diperbahasakan daripada dua golongan antara yang membolehkan dan yang menolak solat sunat *Rebo Wekasan*, maka dapat diambil kesimpulan bahawa beberapa hadith yang dikemukakan bagi menggalakkan solat sunat *Rebo Wekasan* sangatlah lemah, *munkar*, *matrūk* dan bahkan *mawḍū'*. Begitu pula dalil-dalil selain hadith, sememangnya tidak dapat dijadikan hujah untuk menguatkan pengamalan solat *Rebo Wekasan*. Berbeza dengan hujah yang dikemukakan oleh golongan yang menolaknya sangatlah kuat dan dapat dipertanggungjawabkan tanpa ada keraguan kepadanya. Oleh itu, solat *Rebo Wekasan* tidak boleh diamalkan sepertimana solat-solat sunat yang muktabar.

Namun begitu, sekiranya seseorang masih berkeinginan untuk melakukan solat sunat pada hari itu maka diperbolehkan dengan syarat tertentu sepertimana dijelaskan dalam kitab *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fi al-Ad'īyyat al-Latī Tashrah al-Ṣuḍūr*, iaitu sebagai berikut:

1. Tidak ada rasa kepercayaan kepada hari Rabu itu bahawa ianya adalah hari nahas.
2. Niat solat sunat mutlak.
3. Tanpa bilangan rakaat tertentu.
4. Tanpa berjemaah.
5. Tidak menentukan waktu sama ada malam atau pun siang.

## Rujukan

- HAMKA. *Sejarah Umat Islam "Pesediaan Menyambut Islam di Tanah Jawa"*. Singapura: Kerjaya Printing Industries Pte Ltd, 2002.
- Mokh. Syaiful Bakhri. *"Syaichona Cholil Bangkalan Ulama dari Legendaris Madura"*. Pasuruan-Indonesia: Penerbit Cipta Pustaka Utama, 2006.
- Imamuddin. "Solat Sunat Dalam Kitab *Tarjumān* Karangan KH Abdul Hamid Dan KH Abdul Majid Bin Abdul Hamid: Kajian Teks". (Disertasi Master, Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2016).
- Madhan Khoiri. "Makna Simbol dan Pergeseran Nilai Tradisi Upacara Adat Rebo Pungkasan (Studi Terhadap Tradisi Upacara Adat Rebo Pungkasan di Desa Wonokromo Kecamatan Pleret Kabupaten Bantul)". (Disertasi Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, 2009).
- Al-'Ālim al-'Allāmah al-Shaykh Aḥmad al-Dayrabī. *Mujarrabāt al-Dayrabī al-Kabīr*. Mesir: Matba'at Muṣṭafā Muḥammad, t.t.
- Pondok Pesantren Miftahul Ulum. *Al-Ma'ani fi Bayan Funun al-Masa'il*. Pamekasan-Indonesia: Departemen Pengembangan Sumber Daya Santri Biro Bahtsul Masa'il, 1425 H./2004 M. Edisi 1.
- Pondok Pesantren Sidogiri. *Buletin Mingguan "Istinbat"*. Pasuruan-Indonesia: Lembaga Penelitian dan Studi Islam Kuliah Syari'ah Pondok Pesantren Sidogiri, Edisi 169, (1428 H.).
- Madrasah Aliyah Ummul Quro Putri. *Bahan Munaqosyah Aqidah wal Fiqhiyah*. Pamekasan-Indonesia: t.p., t.t..
- Zainuddin Syarif. Konsep Pendidikan Téngkâ (Moral) Menurut K.H. Abd. Hamid Bin Istbat (1868-1933) Banyuanyar Pamekasan (Studi Analisis Atas Kitab Tarjuman). *Nuansa* (2018).
- Zainudin Syarif. *Dinamisasi Manajemen Pesantren dari Tradisional hingga Modern*. Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press, 2007.
- Muhammad Ali Hisyam. "Banyuanyar: Sebuah Stasiun di Pelosok Waktu". *Majalah Dinamika*, Ed. 1, (2003).
- Admin Pondok, "Bany Itsbat Bani Itsbat" (2020). Dicapai pada Jun 3, 2022, <https://www.alkhoirot.com/bany-itsbat-bani-itsbat/>

- Abdul Hamid bin Kiai Ithbat dan Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid. *Tarjumān*. Surabaya-Indonesia: Dār al-Saqqāf, 1980.
- Ibnu Fikri. Aksara Pegon: Studi Tentang Simbol Perlawanan Islam Jawa Abad Ke – XVIII – XIX. *IAIN Semarang* (2014). Dicapai pada May 18, 2022, [http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu\\_Fikri-Aksara\\_pegon\\_Ringkasan.pdf](http://eprints.walisongo.ac.id/id/eprint/3829/1/Ibnu_Fikri-Aksara_pegon_Ringkasan.pdf)
- Johari Hj. Alias. *Wirid dan Doa Selepas Solat*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1996.
- "Melongok Tradisi Rebo Kasan di Kampung Halaman" (2021). Dicapai pada Jun 31, 2022, <https://www.kompasiana.com/madyusup/615d62a13ec8e049bb6f96a3/melongok-tradisi-rebo-kasan-di-kampung-halaman>
- Muhammad ibn Khāṭir al-Dīn ibn Bāyazīd al-'Aṭṭār Abū al-Muayyad, *al-Jawāhir al-Khams*, King Saudi University (1997).
- Sayyidī Muḥammad Ibn Khāṭir al-Dīn Ibn Bāyazīd Ibn Khawājah al-'Aṭṭār. *Kitāb al-Jawāhir al-Khams*". t.tp.: al-Hājj 'Abdullāh al-Yasār al-Tījānī, t.t.
- al-'Allāmah 'Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī. *Mu'jam al-Ta'rīfāt* ed. Muḥammad Ṣiddīq al-Minshāwī. Kaherah: Dār al-Faḍīlat, t.t.
- 'Abd al-Ḥamīd ibn Muḥammad 'Alī ibn 'Abd al-Qādir Quds al-Makkī al-Shāfi'ī. *Kanz al-Najāh wa al-Surūr fi al-Ad'iyyat al-Latī Tashrah al-Suqūr*. Suriah: Dār al-Sanābil/Beirut: Dār al-Hāwī, 2009.
- KH. M. Ulil Albab Arwani. "Memetik Kebaikan Bulan Safar". *Arwaniyyah*, (2012).
- Abū al-Mu'ṭī Muḥammad ibn 'Umar Nawawī al-Jāwī. *Nihāyat al-Zayn fī Irshād al-Mubtadi'īn Sharḥ 'ala Qurrat al-'Ayn bi Muhimmāt al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1422 H./2002 M.
- Al-'Allāmah Muḥammad Ibn Sālim al-Bayhanī. *al-Luma' 'alā Kitāb Islāh al-Mujtama'*, ed. Abū 'Abd al-Raḥmān Yahyā ibn 'Alī al-Hajūrī. t.tp.: Dār al-'Āshimah li al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.
- 'Abd al-Ḥayy ibn Muḥammad 'Abd Ḥalīm al-Laknawī. *Al-Āthār al-Marfū'ah fī al-Akhhbār al-Mawḍū'ah* ed. Abū Hājir Muḥammad al-Sa'id Ibn Basyūnī Zaghūlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984.
- (-). *Majmū' Kitāb Primbon Sembahyang*. Surabaya: Maktabat Muḥammad Ibn Aḥmad Nabhān wa Awlādūhū, t.t.
- Wan Mohd. Shaghīr Abdullah. *Amalam-amalan Islam siri 2: Amalan Bulan Shafar dan Shalawat*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulisan Khazanah Klasik Melayu & Khazanah Fathaniyah, 2004.
- Al-'Ālim al-'Allāmah al-Zakī Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani. *Bada-i 'uz Zuhur*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1997.
- "Penjelasan Mengenai Rebo Wekasan" (2013). Dicapai pada Jun 13, 2022, <https://nu.or.id/ubudiyah/penjelasan-mengenai-rebo-wekasan-SB92I>.
- 'Abd Raḥmān ibn 'Alī ibn Muḥammad ibn Ja'far ibn al-Jawzī. *Kitāb al-Mawḍū'āt min al-Aḥādīth al-Marfū'āt* ed. Nūr al-Dīn ibn Shukrī ibn 'Alī Buya Jilār. Riyad: Maktabat Aḍwā' al-Salaf, 1997.
- Al-Imām Shamsuddīn Muḥammad ibn Aḥmad ibn 'Uthmān al-Dhahabī. *Talkhīs al-Mawḍū'āt li Abi al-Faraj Ibn al-Jawzī*. Riyad: Maktabat al-Rushd wa Shirkat al-Riyāḍ li al-Nashr wa Tawzī', 1419 H./1998 M.
- 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī. *Al-Laālī al-Maṣnū'ah fī al-Aḥādīth al-Mawḍū'āh*. Beirut: Dār al-Ma'rīfah, t.t.
- Al-Imām al-'Ālim Zakariyyā ibn Muḥammad ibn Maḥmūd al-Kūfī al-Qazwīnī. *'Ajāib al-Makhluqāt wa al-Hayawanāt wa Gharāib al-Mawjūdāt*. Manshūrāt Muassasat al-'Ālamī li al-Maṭbū'āt, Beirut-Lubnan- Pos Code 7120, 2000 M./1421 H.
- Abd. Rahman Mukhlis. *170 Solat-solat Sunat*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise (penerbit)/Percetakan Zafar Sdn. Berhad, 2002 M./1422H.
- Kamaruddin Mahmood. *Himpunan Solat-solat Sunat*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya, 1984.
- Abu Muhammad Nur Saiful Rahman. *Himpunan 75 Solat-solat Sunat*. Bandar Tun Razak-Malaysia: Asian Printing Works, 1996.
- Ustadz Idrus Ramli, "Hakekat Rebo Wekasan (Rabu Terakhir) Safar" (2013). Dicapai pada Jun 31, 2022, <https://santri.net/aqidah-akhlak/ubudiyah/hakekat-rebo-wekasan-rabu-terakhir/>
- Al-Shaykh Aḥmad ibn 'Abd al-Ḥalīm ibn Taymiyyah. *al-'Aqīdah al-Wasīṭiyyah*. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah wa Maktabatihā, 1399 H.
- Muḥammad Ibn 'Alī ibn Muḥammad al-Shawkānī. *Fatḥ al-Qadīr al-Jāmi' bayna Fannay al-Riwāyah wa al-Dirāyah min 'Ilm al-Tafsīr* ed. 'Abd al-Raḥmān 'Umairah. t.tp, t.p, t.t.

- Muhammad ibn 'Alī al-Shawkānī. *Al-Fawā'id al-Majmū'ah fi al-Aḥādīth al-Mawḍū'ah "Faḍā'il al-Amkinah wa al-Azminah"* ed. 'Abd al-Raḥmān ibn Yaḥyā al-Mu'allimī al-Yamanī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995.
- Ali Mustafa Yaqub. *Fatwa Imam Besar Masjid Istiqlal "Ibadah Rebo Wekasan"*. Jakarta: PT. Pustaka Firdaus, 2008.
- Abū 'Abdillāh Muhammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr al-Qurtubī. *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān wa al-Mubayyin li Mā Taḍammanahu min al-Sunnah wa Āyi al-Furqān "Sūrat Fuṣṣilat: al-Ayat 16"* ed. 'Abdullāh ibn 'Abd al-Muḥsin al-Turkī. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.
- Ṣāliḥ ibn al-Ghanīm al-Sadlān. *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa Mā Tafarra'u 'Anḥā: al-'Ādah Muḥakkamah*. Riyad: Dār Blansiyah, 1417 H.
- Mahrus Ali Gpl. "hukum shalat rebo wekasan". Dicapai pada Jun 31, 2022, <http://mahrusaligpl.blogspot.com/2012/05/hukum-shalat-rebo-wekasan.html>
- Siti Nurjannah. "Living Hadis: Tradisi Rebo Wekasan di Pondok Pesantren MQHS Al-Kamaliyah Babakan Ciwaringin Cirebon". *Diya al-Afkar* 5, (2017).
- Abū al-Faraj 'Abd al-Raḥmān ibn Aḥmad ibn Rajab al-Ḥanbalī al-Dimshaqī. *Laṭā'if al-Ma'ārif fī Mā li Mawāsim al-'Am wa al-Waḍā'if* ed. Yāsīn Muḥammad al-SAWwās. Dimshaq/Beirut: Dār ibn Kathīr, 1999.
- Abū Bakr 'Uthmān ibn Muḥammad Shaṭṭā al-Dimyaṭī al-Bakrī. *Hāshiyat I'ānat al-Ṭālibīn* ed. Muḥammad Sālim Hāshim. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1415 H./1995 M.
- Al-Shaykh Zayn al-Dīn al-Malībārī al-Shāfi'ī. *Faḥ al-Mu'īn bi Sharḥ Qurraṭ al-'Ayn bi Muḥimmāt al-Dīn*. India: Markaz Taw'iyat al-Fiqh al-Islāmī, t.t.
- Abdurrahman, "Fatwa Kiai Hasyim Tentang Sholat Rebo Wekasan" (2021). Dicapai pada May 27, 2022, <https://www.tebuieng.co/fatwa-kiai-hasyim-tentang-sholat-rebo-wekasan/> dan Azam Najib, "Hukum Tradisi Rebo Wekasan" (2018). Dicapai pada May 27, 2022, <https://www.tambakberas.com/artikel/hukum-tradisi-rebo-wekasan/>
- "Sejarah", dicapai 26 Mac 2022, <http://sidogiri.net/sejarah/>
- Almaany. Dicapai pada April 4, 2022, <http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D8%B7%D9%8A%D8%B1%D8%A9/>
- Abū 'Abdillāh Muhammad ibn Ismā'il al-Bukhārī al-Ja'fī. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* ed. Muṣṭafā Dīb al-Bighā. Dimshaq/Beirut: Dār ibn Kathīr/al-Yamāmah, t.t.
- Abū al-Ḥusīn Muslim al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naisabūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim "Kitāb al-Salām: Bāb Lā 'Adwā wa Lā Ṭiyarata wa Lā Hāmata wa Lā Ṣafara wa Lā Naw' wa Lā Ghawla wa Lā Yūridu Mumridun 'alā Musihḥīn"*. Riyad: Dār al-Ṭaybah, 2006.
- Muḥammad 'Abd al-Ra'ūf al-Munāwī. *Fayḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ma'rifat, 1972.
- 'Alāu al-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Ibrāhīm al-Baghdādī al-Shahīr bi Al-Khāzin, *Tafsīr al-Khāzin al-Musammā Lubāb al-Ta'wīl wa Ma'ānī al-Tanzīl* ed. 'Abd al-Salām Muḥammad 'Alī Shahīn, Beirut: Dār al-Kutub, 2004.
- Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA). *Tafsīr al-Azhar "Surah al-'Ashr (masa)"*. Singapura: Pustaka Nasionaonal Pte Ltd, 1998.
- Lajnat min al-'Ulamā' bi Ishrāf Majma' al-Buḥūth al-Islāmiyyah bi al-Azhar. *Al-Tafsīr al-Wasīṭ li al-Qurān al-Karīm "Sūrah al-'Asr"*. t.tp.: Matba'at al-Muṣṣhaf al-Sharīf, 1992.
- Al-Shaykh Ismā'il ibn Muḥammad al-'Ajlūnī al-Jarahī. *Kashf al-Khafā' wa Muzīl al-Ilbās 'ammā Ishtahara min al-Aḥādīth 'alā Alsinat al-Nās*. t.tp.: Maktabat al-Qudsi, 1351 H.
- Abū al-Maḥāsīn Muḥammad ibn al-Khalīl al-Qawīqjī. *Al-Lu'lu' al-Marsū' fī Mā lā Aṣla Lahū aw bi Aṣliḥī Mawḍū'*. Mesir: al-Matba'ah al-Baruniyyah, t.t.
- Nūr al-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Sulṭān al-Mashhūr bi al-Mullā 'Alī al-Qārī. *Al-Maṣnū' fī Ma'rifat al-Ḥadīth al-Mawḍū'* ed. 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1994.
- Abū Ishāq al-Ḥuwaynī al-Atharī. *Junnat al-Murtāb bi Naqd al-Mughnī 'an al-Ḥifz wa al-Kitāb*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1994.
- Nūr al-Dīn 'Alī ibn Muḥammad ibn Sulṭān al-Mashhūr bi al-Mullā 'Alī al-Qārī. *Al-Asrār al-Marfū'ah fi al-Akhbār al-Mawḍū'ah al-Ma'rūf bi al-Mawḍū'āt al-Kubrā* ed. Muḥammad ibn Luṭfī al-Ṣabbāgh. Beirut/Damshiq: al-Maktab al-Islāmī, 1987.

- Muhammad Tāhir ibn 'Alī al-Hindī al-Fattānī. *Tadhkirat al-Mawḍū'āt*. Mesir: Idārat al-Ṭibā'ah al-Muniriyyah, 1343 H.
- Al-Shaykh Zayn al-Dīn ibn 'Abd al-'Azīz al-Malībārī. *Irshād al-'Ibād ilā Sabīl al-Rashād*. Surabaya: al-Hidāyah, t.t.
- 'Abd al-Ḥayy ibn Muḥammad 'Abd al-Ḥalīm al-Laknawī. *Al-Athār al-Marfū'ah fi al-Akhbār al-Mawḍū'ah* ed. Abū Ḥajir Muḥammad al-Sa'īd ibn Basyūni Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1984.
- "مناقشة". Dicapai pada 25, 2022, <https://www.almaany.com/id/dict/ar-id/مناقشة/>
- Yūsuf al-Qaraḍāwī. *Mawqif al-Islām min al-Ilhām wa al-Kashf wa al-Ruā wa min al-Tamāim wa al-Kahānah wa al-Ruqā "Mawāqif al-'Ulamā' min al-Ilhām"*. Kaherah: Maktabat Wahbah, 1994.
- Ibrāhim ibn Mūsā ibn Muḥammad al-Lakhmī al-Shāṭibī. *Al-'Iṭisām* ed. Abū 'Ubaidah Mashhūr ibn Ḥasan Ali Salmān. t.t.p.: Maktabat al-Tawḥīd, t.t.
- Aḥmad ibn Taymiyah, *Majmū' Fatāwā Ibn Taymiyah*. Al-Madīnah al-Munawwarah: Mujamma' al-Malik Fahd li Ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf, 2004.
- Al-Imām al-'Allāmah Taqīyy al-Dīn ibn Taymiyah, *Majmū'ah al-Rasāil wa al-Masāil*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1992.
- Al-Imām Muḥammad ibn Aḥmad 'Uthmān ibn Qaymaz al-Dhahabī, *Tartīb al-Mawḍū'āt* ed. Kamāl ibn Basyūni Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994.
- Abū al-Khayr Muḥammad ibn 'Abd Raḥmān al-Sakhāwī. *Al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Mushtahirah 'alā al-'Aṣinat* ed. 'Abdullāh Muḥammad al-Ṣiddīq. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1979.
- Abū Aḥmad 'Abdullāh ibn 'Udayy al-Jurjānī. *Al-Kāmil fī Ḍu'afā' al-Rijāl*, ed. 'Adil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ dan 'Abd al-Fattāh Abū Sunnah. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- 'Abd Al-Karīm ibn 'Abdillāh al-Khuḍayr. *Al-Ḥadīth al-Ḍa'īf wa Ḥukm al-Ihtijāj Bihī "Ḥukm al-Ihtijāj bi al-Ḥadīth al-Ḍa'īf fī al-Faḍāil wa al-Aḥkām"*. Riyad: Dar al-Muslim, 1997.
- Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr. *Al-Fuṣūl fī Sirah al-Rasūl Ṣallallāh 'Alayh Wa Sallam* ed. Muḥammad al-'Īd al-Khaṭrawī wa Muḥyi al-Dīn Mastū. Damshiq: Muassasat 'Ulūm al-Qurān/al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabat Dār al-Turāth, 1402-1403 H.
- 'Abdullāh ibn 'Abd al-'Azīz Ibn Aḥmad al-Tawyaḥjīrī. *al-Bida' al-Ḥawliyyah*. Riyad: Dār al-Faḍīlat, 2000.

## Temubual

- Kiai Muhri (seorang tokoh masyarakat dan termasuk alumni Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 20 November 2011.
- KH. Muhammad Syamsul Arifin (Mudir pondok pesantren Darul Ulum Banyuanyar semenjak tahun 1980-2021), dalam temubual dengan pengkaji, 11 November 2011.
- Ust. Muzammil Imron, MA. (alumni dan termasuk Ustaz yang aktif mengajar di Pondok Pesantren Mambaul Ulum Bata-Bata), dalam temubual dengan pengkaji, 17 November 2011.
- KH. Tahir Zain bin KH. Abdul Hamid bin KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi (yang mana KH. Ahmad Mahfuz Zayyadi ini adalah menantu kepada KH. Abdul Majid bin KH. Abdul Hamid bin kiai Ithbat) di pondok pesantren Manba'ul Ulum Bata-Bata Pamekasan Madura Jawa Timur Indonesia, dalam temubual dengan pengkaji, tarikh 23 November 2011.